

BANGSA MELAYU: MELIHAT SEBUAH TAMADUN SEBAGAIMANA YANG DIGAMBARAKAN OLEH KARYA SEJARAH MELAYU

Mior Ahmad Noor Mior Hamzah

PENGENALAN

Tulisan ini cuba memaparkan kepada para pembaca perihal tentang bangsa Melayu mengikut pandangan yang tercatat dalam karya Sejarah Melayu. Apa yang dipaparkan oleh karya tersebut cuba dianalisis bagi memperlihatkan satu keagungan bangsa yang telah tercipta pada zaman itu. Perkara ini penting untuk direnungkan serta dijadikan iktibar dan panduan. Sesungguhnya bangsa Melayu itu bukanlah sebuah bangsa yang mundur atau mandum sebagaimana gambaran sesetengah pihak. Seperkara lagi tulisan ini mengajak para pembaca supaya melihat “ke dalam” perihal keupayaan dan kemampuan bangsa Melayu. Sejarah telah membuktikannya. Melihat kembali ini amat penting, lebih-lebih lagi jika ia seorang Melayu atau rakyat Malaysia. Dengan ini dapat dilihat bahawa orang Melayu itu pada satu ketika dahulu telah mencipta sebuah tamadun yang setanding dengan tamadun lain di dunia.

Pada hari ini ketamadunan itu akan dapat berkembang kembali dengan suburnya jika bangsa Melayu itu punya jati diri dan memiliki sifat dan kebolehan sebagaimana yang ada pada orang Melayu pada zaman keagungannya. Adalah menjadi harapan, dari penulisan ini akan dapat memberi gambaran kepada pembaca perihal orang Melayu sebagaimana yang digambarkan dan menjadi tanggungjawab kita untuk menegakkannya semula keagungan itu sebagaimana kata *sejarah itu berulang kembali*. Penulis berusaha membuat penilaian terhadap paparan yang digambarkan. Dengan ini satu gambaran sebenar keadaan orang Melayu pada masa itu dapat diketengahkan melalui beberapa tajuk perbincangan. Secara langsung atau tidak, maksud tersirat dari gambaran tersebut dapat mencerminkan satu suasana orang Melayu pada masa itu telah dapat dikesan. Kajian ini dibuat berdasarkan karya Sejarah Melayu yang telah diusahakan oleh W. G. Shellabear yang pernah dicetak untuk pertama kalinya pada tahun 1896. Karya ini telah dulangi percetakannya berulang-ulang kali.

GAMBARAN TENTANG SEJARAH MELAYU

Karya Sejarah Melayu yang juga dikenali sebagai *Sulalatu 'l- Salatin* yang bermaksud peraturan segala raja-raja. Dari catatan pada halaman terawalnya ada menyatakan Sejarah Melayu disusun oleh Bendahara Paduka Raja Tun Muhammad. Nama timang-timangan beliau ialah Tun Seri Lanang. Ia siap disusun pada hari Khamis 12 Rabiul Awal 1021 T.H bersamaan dengan 1612 T.M. Karya asalnya

dikatakan:

“Hamba dengar ada hikayat Melayu dibawa orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian dari kita, dan boleh diingatkannya oleh segala mereka itu, syahadan adalah beroleh faedah ia daripadanya” (Sejarah Melayu: 1961: 2).

Adalah jelas bahawa penyusunan karya ini untuk tatapan dan kenangan generasi akan datang agar mereka mengetahui akan susur galur bangsa mereka yang pernah mencipta keagungan dan ketamadunan.

Hasil dari kajian lanjut para sarjana juga mendedahkan kemudiannya bahawa karya asal yang dikatakan berasal “dari Goa” itu adalah sebuah karya yang telah ditulis beberapa tahun selepas kejatuhan Melaka ke tangan penjajah Portugis pada tahun 1511 (Kajian oleh R.O. Winstedt yang dipetik dari Abdullah Jumain Abu Samah, 1993: 201). Ini memberi satu gambaran bahawa bangsa Melayu telah mempunyai sumber catatan bertulis sejak dari awal lagi. Dengan ini telah pun wujud satu suasana masyarakat berilmu yang mementingkan keilmuan untuk kegunaan semasa dan juga untuk dijadikan khazanah atau tinggalan kepada generasi akan datang.

Karya ini menarik perhatian para orientalis barat. Mereka telah mengkaji dan menterjemahkannya ke dalam beberapa bahasa. Misalnya pada tahun 1821 telah diterbitkan di London terjemahan pertama dalam bahasa Inggeris oleh Dr. John Leyden. Pada tahun 1878 diterbitkan terjemahan dalam bahasa Perancis di Paris oleh M.L. Marcel Devic. Dalam bahasa Belanda pula terjemahannya telah diusahakan oleh M. Ed. Dulaurier dan diterbitkan pada tahun 1884. Sebelum pada itu, edisi Melayu dalam tulisan jawi telah diterbitkan di Singapura pada tahun 1831 oleh Mission Press, Singapura yang diusahakan oleh Abdullah bin Abdul Kadir Munshi. Kelebihan dan keistimewaan karya ini dapat diperlihatkan melalui penterjemahannya kepada beberapa bahasa asing sejak awal lagi. Karya ini terus diterjemahkan ke beberapa bahasa lagi kemudiannya. Pada peringkat awal, keistimewaan karya ini dapat dilihat dari kata pengantar yang dibuat oleh Sir Thomas Stamford Raffles dalam edisi terjemahan Dr. John Leyden. Antara lain beliau menulis:

“... dari mulanya dimaksudkan bahawa teksnya harus dijelaskan dengan catatan-catatan dan referen-referen, penjelasan dan tentang bahagian-bahagian yang lebih menarik hati, dan bahawa sejarah-sejarah lama tentang negara-negara di Gugusan Pulau-pulau Melayu, sejak terdirinya ugama Islam seharusnya ditambahkan kepadanya;...” (dipetik daripada catatan W.G. Shellabear, 1896: vii-xii).

Jelaslah bahawa pihak orientalis barat begitu berusaha dan bersungguh-sungguh mengkaji tentang karya agung Melayu ini. Mereka mendapat bahan bukti tentang keagungan dan kekuatan orang Melayu. Mereka juga memperoleh apa yang mereka mahu dari orang Melayu iaitu kelemahan. Akhirnya mereka mempergunakan kelemahan ini untuk mereka mengaut keuntungan dari bumi di rantau sini: sebuah penjajahan kerajaan dan budaya serta pengeksplotasian ekonomi.

Hilanglah keagungan Melayu yang diwakili oleh Melaka sebagai perlambangan tamadun bangsa Melayu. Kemudiannya runtuh lagi sebuah demi sebuah kerajaan Melayu dan wujudlah bangsa Melayu sebagaimana mengikut rencana dan acuan mereka. Dengan itu, tulisan ini bukan sekadar untuk menimbulkan kembali nostalgia, malahan untuk mengajak para pembaca melihat dan menilai sendiri keagungan tamadun yang pernah tercipta untuk diteruskan kembali. Beberapa tajuk kecil perbincangan akan membincangkan ketamadunan yang pernah tercipta itu, agar dapat memberi kesedaran bahawa bangsa Melayu telah ada ilmu (benda/perkara) tersebut sebelum ditunjuk ajar oleh bangsa lain yang kononnya datang untuk menerangkan dunia yang gelap tersebut.

KEWUJUDAN SEBUAH KERAJAAN

Perbincangan ini menumpukan perhatian kepada pemilihan sesebuah tempat atau lokasi untuk dijadikan pusat pemerintahan. Dalam erti kata hari ini pusat bandar atau ibu kota negeri. Dari apa yang diperlihatkan oleh Sejarah Melayu, bangsa Melayu telah mampu memilih lokasi yang strategik dan baik kedudukannya. Ini dapat diperlihatkan dari gambaran terhadap sesebuah kota atau apabila adanya pembukaan negeri baru. Banyak faktor yang diambil kira. Antaranya ialah punca air yang menjadi keperluan untuk minuman, makanan, saluran dan pengairan bagi bidang pertanian dan juga pengangkutan. Punca air juga dipentingkan kerana ia akan digunakan untuk mengairi parit atau terusan yang akan digali bagi tujuan pertahanan atau sebagai jalan pintas. Setelah mengambil kira kepentingan punca air atau sungai, faktor seterusnya ialah kawasan berbukit ataupun anak bukit.

Peranan tanah berbukit atau anak bukit ialah untuk menjadikan tapak dan kawasan istana itu berada di kawasan yang tinggi. Selain dari mengelakkan bencana air bah atau banjir, ia juga untuk menempatkan pemerintah tinggal di tempat yang teratas. Ia juga digunakan untuk tujuan pertahanan bagi menempatkan pos pemerhati. Sudah menjadi kebiasaan bagi muka bumi di alam Melayu ini bahawa di kawasan dekat kuala sungai dan sepanjang sungai dipenuhi dengan lembah-lembah di kiri kanannya. Dalam masa yang sama akan terdapat beberapa tempat yang mempunyai tanah tinggi atau anak bukit yang akan menjadi pilihan pemerintah sebagai pusat pemerintahan (ibu kota). Kenyataan-kenyataan di atas dapat dilihat dari apa yang digambarkan oleh pengarang Sejarah Melayu.

GAMBARAN TENTANG KOTA-KOTA

Bagi Kerajaan Gangga Negara yang diperintah oleh rajanya Shah Johan, negeri tersebut digambarkan:

“Adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. (hal. 12).”

Ini ialah gambaran sebuah kerajaan Melayu tua yang terdapat di negeri Perak iaitu Kerajaan Gangga Negara yang terletak di kawasan Beruas pada hari

ini. Dari segi kedudukan, kawasan Beruas berada di tanah lembahan hujung dari Banjaran Gunung Bubu. Banjaran ini bersambungan dengan Banjaran Bintang di Bukit Berapit dekat Kampong Bukit Gantang yang menjadi sempadan Daerah Kuala Kangsar/Larut Matang dan Selama, Perak (Atlas Kebangsaan Malaysia, 1977: 6). Dari segi kedudukan sungai pula, selain dari mempunyai Sungai Beruas yang mengalir ke Kuala Beruas di Selat Melaka, dipercayai pada zaman dahulu Kuala Sungai Perak ialah di Kuala Dinding dekat Bandar Lumut hari ini (M.A. Fawzi Basri, 1986: 6-7). Dengan itu, jika berasaskan kepada kedudukan Kampong Kota, Beruas sebagai tapak pusat pemerintahan Kerajaan Melayu Tua Perak, ternyata kawasan ini berdekatan dengan bukit dan tidak jauh dari dua batang sungai yang dinyatakan. Kemungkinan juga dua batang sungai itu ditemukan oleh sebuah terusan bagi memudah dan memendekkan perjalanan. Pembinaan terusan dekat dengan kota bukanlah asing bagi kerajaan-kerajaan Melayu. Apabila perkara ini dibandingkan dengan kota-kota pemerintahan lain di dunia terdapat persamaannya. Sebagai contoh Kota Babylon yang terletak di tepi Sungai Tigris, begitu juga dengan apa yang berlaku di Mesir, India dan China.

Sejarah Melayu juga menggambarkan sesuatu yang mungkin tidak boleh difikirkan kedudukannya di alam yang nyata ini, tetapi dinyatakan tempat tersebut. Misalnya bagi negeri di bawah pemerintahan Raja Suran yang terletak di Benua Keling [India?], digambarkan negeri tersebut ialah:

“... kotanya daripada batu hitam tujuh lapis, serta dengan tebalnya dan tingginya sembilan depa; daripada pandainya segala utasnya berbuat dia itu tiadalah kelihatan rapatannya lagi, rupanya seperti dituang; pintunya daripada besi melesa, bertatahkan emas berpermata. Syahadan peri luas kota itu, tujuh buah gunung di dalamnya; dan pada sama tengah negeri itu ada sebuah tasik terlalu luas, seperti laut rupanya, jikalau gajah berdiri di seberang tasik itu, tiada kelihatan dari seberangnya, serba ikan dilepaskannya di dalam tasik itu. Maka di tengah tasik itu ada sebuah pulau terlalu tinggi, sentiasa berasap seperti disapu embun rupanya; maka di atas pulau itu ditanaminya pelbagai kayu kayan dan buah-buahan dan bunga-bunga, segala yang di dalam dunia ini semuanya adalah di sana, dan apabila Raja Suran hendak bermain ke sanalah ia pergi. Maka adalah di tepi tasik itu diperbuatnya pula suatu hutan terlalu besar, maka dilepaskannya segala binatang yang liar; apabila Raja Suran hendak berburu atau menjerat gajah, pada hutan itulah ia pergi (hal. 20).”

Jika melihat dengan mata kasar ternyata gambaran ini semacam tidak masuk akal. Namun jika melihat dengan “mata hati” atau dari kacamata ilmu, gambaran tentang pembinaan kota dan negeri ini mempunyai nilai yang tinggi serta mempunyai ciri-ciri yang diperlukan oleh sebuah pemerintahan atau kerajan. Digambarkan tukang-tukang yang bekerja penuh dengan ketelitian dan kesenian. Ada rupa bentuk dan nilai-nilai estatika dalam kerja mereka. Mereka membuat kerja dengan bersungguh-sungguh, teliti dan hasil kerja pula tidak punyai kecacatan. Jika dinilai ayat yang berbunyi “sentiasa berasap seperti disapu embun rupanya” boleh

menggambarkan yang penyusun karya ini sudah memahami erti *salji* meskipun di Kepulauan Melayu ini jarang terdapat benda tersebut. Ini bukanlah satu imaginasi tetapi merupakan satu ilmu pengetahuan yang berasaskan pelajaran, pengalaman ataupun pergaulan dan perbincangan. Melaka pernah menjadi pusat perdagangan dan pusat ilmu pengetahuan yang mempertemukan ramai golongan pedagang dan ilmuwan.

Sebagai sebuah pusat pemerintahan, rajanya digambarkan mempunyai pandangan yang jauh apabila mementingkan tanaman makanan untuk keperluan dan bekalan. Perkara ini amat penting kerana jika berlaku musim kemarau, meleset atau berlakunya peperangan, bekalan makanan jauh lebih penting dari kekuatan tentera dan juga teknologi pertahanan. Sejarah-sejarah silam amat mementingkan kekuatan ekonomi pertanian ini sehinggakan dalam al-Quran sendiri ada memperingatkan dengan peristiwa tujuh tahun bumi subur dan tujuh tahun bumi gersang dalam kisah Nabi Allah Yusuf. Suasana ini dapat dilihat sehingga ke hari ini, apabila berlaku sahaja pencerobohan terhadap Iraq oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, pemerintahan Saddam Hussein dengan cepat mengistiharkan yang bekalan makanan untuk rakyat Iraq boleh bertahan selama enam bulan sahaja (The Star, Mac 2003).

Seperkara lagi yang boleh dijadikan pengajaran dari gambaran di atas ialah konsep mesra alam dengan pemeliharaan hutan dan juga binatang-binatang. Pada zaman dahulu manusia hidup mengikut alam. Sebagai contohnya jika mereka tinggal di tepi sungai atau di tepi laut mereka akan membuat rumah bertiang tinggi tetapi berbumbung rendah bagi mengelak air pasang atau air bah dan juga tidak menghalang laluan angin. Demikian pula yang tinggal di kawasan pendalaman atau berbukit akan merendahkan tiang rumah dan meninggikan bumbungnya kerana mahukan ruang-ruang angin dan udara. Jika demikian keadaannya tidak akan berlakulah pemusnahan alam yang berlebihan kerana manusia dan alam saling memerlukan. Manusia perlukan alam untuk kehidupan dan alam pula perlukan manusia untuk membangunkannya. Ini amat berbeza dengan suasana yang berlaku pada hari ini yang lebih bersifat pemusnahan alam dan juga habitat. Satu bentuk pemusnahan yang lebih daripada keperluan. Apa yang lebih mendukacitakan, perlakuan sedemikian dibuat atas nama dan alasan pembangunan demi kesejahteraan kemanusiaan.

Sejarah Melayu juga menceritakan tentang pembukaan Pulau Singapura yang sebelumnya dikenali dengan nama Temasik, Pasai dan beberapa tempat lain. Kemuncak kepada pembukaan negeri dan membina kota ialah di Melaka. Selepas Raja Iskandar berkelana ke Muar dari Singapura, baginda tinggal di tempat yang dinamakan orang Biawak Busuk. Oleh kerana tidak serasi (tidak sesuai), baginda berpindah ke tempat yang dipanggil Kota Buruk. Tempat ini juga tidak sesuai dan akhirnya memaksa baginda berpindah lagi dan sampai ke satu tempat bernama Sening Ujong. Dari Sening Ujong baginda meneruskan perjalanan sampai ke Sungai Bertam dekat pantai di tepi laut. Di sini Sejarah Melayu menceritakan:

“Maka Raja Iskandar pun berdirilah di bawah seponon kayu, terlalulah rendang; maka baginda pun berburu, maka anjing perburuan itu

pun diterajangkan oleh pelanduk putih, jatuh ke air. Maka titah Raja Iskandar Shah. "Baik tempat ini sedang pelanduknya lagi gagah; baiklah kita berbuat negeri di sini". Maka sembah segala orang besar-besar, "Benarlah, tuanku, seperti titah Duli Yang DiPertuan itu". Maka disuruh baginda berbuat negeri pada tempat itu. Maka Raja Iskandar bertanya, "Apa nama kayu ini, tempat kita bersandar?". Maka sembah orang, "Kayu Melaka namanya tuanku". Maka titah baginda, "Jika demikian Melakalah nama negeri ini (hal. 72)."

Meskipun penyusun tidak menggambarkan tentang perihal bukit, sungai dan lembah, namun dari segi kedudukannya pada hari ini amat jelas kawasan tersebut mempunyai ciri-ciri tersebut. Berpandukan kepada gambarajah yang terdapat pada buku Sejarah Melayu cetakan kedua puluh tiga pada tahun 1990, kedudukan istana Sultan Mansur Shah yang dibina kira-kira pada tahun 1460 terletak di tepi pantai dekat tebing kanan kuala Sungai Melaka (arah mudik). Ini jelas memperlihatkan yang kawasan itu mempunyai kawasan lembahan dan bukit yang dikenali sebagai bukit Kota Afamosa serta Bukit China yang tidak jauh darinya. Bukit Afamosa amat sesuai dijadikan tempat pos pemerhati dan kuala sungai yang di hadapannya terdapat beberapa buah pulau kecil amat sesuai untuk menjadi pelabuhan kemudiannya. Selain dari keluasan muara dan dalamnya dasar sungai itu, pulau-pulau pula berperanan sebagai penahan/pelindung kepada tiupan angin terhadap kapal-kapal yang sedang berlabuh. Keistimewaan dan kebaikan tempat ini kemudinya dinyatakan oleh penyusunnya:

"Maka negeri Melaka pun besarlah, lagi dengan makmurnya, dan segala dagang pun berkamponglah (hal. 73)."

Seperkara lagi yang perlu dijelaskan di sini ialah kaitan keserasian atau kesesuaian sesebuah tempat untuk dijadikan sebagai sebuah negeri atau kota pemerintahan. Dalam konteks dunia kehidupan orang Melayu yang hidup mereka dipengaruhi oleh alam, amat berpegang teguh kepada keistimewaan, kekuatan, unsur luar biasa atau ada kaitannya dengan petua-petua orang tua-tua (Daniel Perret, 1999: 8). Ini jelas, apabila kekuatan pelanduk putih diambil kira dan pohon Melaka menjadi nama negeri. Perkara ini bukanlah pertama kali ditemui dalam Sejarah Melayu. Malahan pembukaan Singapura dikaitkan dengan seekor binatang yang bernama Singa. Begitu juga dengan pembukaan Pasai berkait dengan anjing yang bernama Pasai menyalak tanah tinggi yang sesuai untuk dibuat sebuah istana dengan kelengkapannya. Bagi Melaka misalnya, keserasian ini dapat dikaitkan sama dengan penggunaan perkataan "sepohon kayu, terlalulah rendang". Pokok yang rendang dalam konteks kehidupan orang Melayu digunakan sebagai tempat berteduh (berlindung) dari pancaran cahaya mata hari, malahan hujan sekalipun jika tidak terlampau lebat. Akhirnya terbukti, Melaka telah menjadi tempat perlindungan kehidupan orang Melayu yang agung untuk lebih dari seratus tahun. Ini tidak mengambil kira aspek pengaruh perdagangan dan ilmu pengetahuan yang ditinggalkan oleh mereka.

Kesan seterusnya dari apa yang diterangkan oleh Sejarah Melayu, dapat disaksikan tapak-tapak istana pada hari ini hampir semuanya memilih tempat yang mempunyai ciri-ciri di atas. Contoh terbaik ialah tapak istana DiRaja Kerajaan Perak Darul Ridzuan terletak di Bukit Chandan yang berdekatan dengan Sungai Kangsar di lembah Sungai Perak. Begitu juga dengan tapak istana DiRaja Selangor di Kelang, istana DiRaja Terengganu di Kuala Terengganu dan juga Johor yang ada unsur sungai, lembah dan bukit. Bagi Kedah, sekurang-kurangnya diberi nama Anak Bukit. Namun jika diteliti kota-kota lain dalam pemerintahan Kerajaan Kedah seperti di Kuala Muda, Indera Kayangan di Kuala Perlis dan di Sungai Pisang di Daerah Kubang Pasu semuanya ada ciri-ciri di atas (Alor Setar 250 Tahun, 1990: 1-12). Begitulah juga dengan tapak istana DiRaja yang lain. Perkara utama yang harus diberikan perhatian dari kajian ini ialah ciri-ciri yang menjadi pilihan kepada Kerajaan Melayu dalam membuka negeri atau membina kota ada persamaannya dengan apa yang berlaku di Eropah pada Zaman Pertengahan (Daniel Perret, 1999: 8); iaitu sezaman dengan apa yang sedang diperbincangkan. Ini bermakna ketamadunan yang bangsa Melayu reka-ciptakan itu adalah setanding, jika tidak dapat melebihinya. Ini juga memberikan satu gambaran bahawa bangsa Melayu juga sebuah bangsa agung dan setara dengan bangsa-bangsa yang ada di dunia.

BENTUK DAN SISTEM PEMERINTAHAN

Semua penulisan menggambarkan bahawa Kerajaan-Kerajaan Melayu mengamalkan satu sistem pemerintahan yang bercorak monarki. Satu istilah yang sinonim dengan maksud, *Raja itu Kuasa* atau *Kata Raja itu Undang-Undang*. Perkara ini bukanlah asing kerana semua pemerintahan di dunia pada masa itu bercorak sedemikian. Apa yang berlaku pada hari ini tidak boleh dibandingkan sepenuhnya dengan zaman dahulu. Sebenarnya, jika membuat penelitian dengan secara halus telah pun wujud satu suasana yang menyamai dengan amalan demokrasi pada hari ini dalam sistem pemerintahan kerajaan-kerajaan Melayu. Suasana yang menggambarkan perbincangan, bermuafakat atau bermesyuarat sentiasa diketengahkan, tetapi pada masa itu dinamakan *sembah-mengadap*. Di sinilah semua perkara diputuskan, laksana persidangan Parlimen ataupun Mesuarat Kabinet (Jemaah Menteri) dan Majlis Mesyuarat (EXCO) negeri hari ini. Ada juga gambaran perihal tentang perlington jawatan ketua dibuat dengan kemahuan atau pilihan rakyat, bukan ditunjukkan dari atas.

Seseorang sultan yang memerintah sebuah kerajaan digambarkan mempunyai para menteri dan pembesar-pembesarnya yang memainkan peranan serta menjalankan tugas masing-masing. Setiap menteri atau pembesar ada portfolio tersendiri. Misalnya Dato' Bendahara bertanggungjawab menjadi ketua para pembesar istana dan juga menasihati Sultan. Jika semasa perang, beliau akan menjadi Panglima Angkatan Tentera dan semasa sultan melakukan lawatan atau berada di luar negeri, beliau akan memangku jawatan sultan. Dato' Temenggong pula bertanggungjawab bagi menjaga keamanan dalam negeri dan juga menjadi pegawai timbang dan sukat. Penghulu Bendahari pula ialah penjaga kepada khazanah negeri.

Manakala Dato' Laksamana bertugas sebagai orang besar istana dan ketua angkatan perang di laut. Demikian juga yang lain-lainya (keterangan lanjut lihat Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, 2000: 23-29). Mereka semua adalah "kaki dan tangan" serta "mata dan telinga" Raja (Modul Kenegaraan, 1999: 2-17).

Sistem ini memperlihatkan sama seperti sistem kabinet atau bermenteri dalam kerajaan demokrasi hari ini. Jika dalam sistem kabinet ada konsep "tanggungjawab bersama", dalam sistem pembesar istana demikian juga rupanya. Jika menteri hari ini sekadar perlu meletakkan jawatan bagi memperlihatkan sikap kebertanggung jawaban, dalam sistem Kerajaan Melayu ada digambarkan sehingga sanggup mengambil nyawa sendiri kerana mempertahankan maruah sebagai seorang menteri atau pembesar. Sikap kebertanggung jawaban bersama inilah yang menjadikan Kerajaan Melayu Melaka gemilang. Ada penulis yang telah mencatatakan:

"The great accomplishments of Melaka during this period was not only due to the competence of its sultans but also to the deftness of its court officials in carrying out their duties, most notable being the Prime Minister Bendahara Tun Perak and Admiral Hang Tuah (Haji Mohd Jamil Bin Mukmin, 2001: 25)."

Bagi memperjelaskan lagi tentang kenyataan di atas, diperlihatkan beberapa contoh untuk dijadikan sebagai satu gambaran kenyataan:

Perbincangan (Mesyuarat)

Terlalu banyak contoh yang menyatakan seseorang pemerintah itu mengadakan mesyuarat. Misalnya setelah datang utusan peminangan Raja China terhadap puteri Sang Si Perba di negeri Palembang, penyusunnya menulis dengan:

"Syahadan telah diketahui baginda ertinya, maka Sang Si Perba pun mesyuarat dengan segala menteri, "Baik kita berikan anak kita ini atau jangan?". Maka sembah segala menteri, "Jikalau tidak diberi paduka anakanda ini, kalau datang kebinasaan atas negeri; jikalau di ambi akan menantu pun tiada akan lebih dari Raja China, kerana baginda itu raja besar lagi bangsawan. Di dalam alam ini adakah negeri besar lebih daripada benua China?". Maka titah Sang Si Perba, "Jikalau demikian, baiklah kita berikan supaya bersambunglah Raja Melayu dengan Raja China" (hal. 30)."

Ternyata kepada kita istilah "mesyuarat" telah digunakan. Raja bertanyakan pendapat dan buah fikiran para menterinya. Mereka pula memberikan pendapat dengan menyampaikan buruk dan baiknya jika menerima atau menolak peminangan itu. Setelah mendengar dan mempertimbangkan pandangan dari para menteri, barulah Raja memberikan keputusannya. Hal ini samalah seperti suasana dalam amalan demokrasi hari ini yang mengadakan permesyuaratan dan keputusan diambil setelah dilakukan perbincangan. Contoh lain dapat diperlihatkan dengan petikan berikut:

"Syahadan maka Seri Rana Wira Kerma menyuruh memanggil

Badang, maka ia pun datang mengadap. Maka titah baginda, “Esok hari Badang kita adu bermain dengan Benderang”. Maka sembah Badang, “Tuanku, adalah akan Benderang itu, kepada zaman ini pahlawan gagah bukan barang-barang perkasanya termasyhur pada segala negeri. Jikalau patik alah, tidakkah Duli Yang DiPertuan malu?. Pada fikir patik jikalau Duli Yang DiPertuan hendak mengadu patik dengan dia, baiklah dipanggil dia pada malam ini, dianugerahi ayapan, supaya patik cuba; jikalau dapat patik lawan, Duli Tuanku adulah ia dengan patik, jikalau tiada dapat patik lawan, Duli Tuanku tegah patik jangan diberi melawan dia bermain”. Maka titah baginda, “Benarlah bicaramu itu” (hal. 51).”

Jelas sekali dialog di atas sebagai satu gambaran kepada kita perihal memberi buah fikiran dan pandangan amat jelas wujud walaupun dalam suasana memberi arahan atau perintah. Badang sebagai orang harapan istana tidak menerima perintah membuta tuli, malahan memberi pandangan dan juga cadangan terhadap perintah tersebut. Raja pula selaku pemerintah tidak pula secara melulu membantah, malahan menerima segala buah fikiran dan juga cadangan. Maka tidak hairanlah bangsa Melayu mempunyai kata-kata hikmah ini; *muafakat membawa berkat*.

Seterusnya dari peristiwa di atas, digambarkan Badang dan Benderang tidak didukan kekuatan mereka, malahan digandingan kekuatan kedua-dua mereka untuk menarik rantai di pengkalan bagi menghalang laluan kapal di kawasan tersebut. Keputusan tidak mengadukan kekuatan mereka dicapai supaya tidak akan berlaku permusuhan antara dua buah kerajaan tersebut. Ini kerana salah seorang daripada mereka pasti akan tewas yang akan mengakibatkan rasa tidak puas hati dan menanggung persaan malu. Hal ini bukan sahaja ditanggung oleh mereka yang beradu, malahan oleh pihak yang mereka menjadi wakilnya: iaitu kerajaan dan nama baik pemerintahnya. Akibatnya nanti akan berlakulah peperangan antara dua kerajaan tersebut bagi menebus maruah dan menutupi rasa malu dan terhina (hal. 52-53). Apa yang dijelaskan di atas, memperlihatkan satu suasana permuafakatan yang bukan sahaja sesama pemerintah dan orang besarnya, malahan juga antara kerajaan dengan kerajaan lain. Meskipun pada asalnya ada pihak yang cuba menunjukkan kekuatan atau membuat provokasi, namun kerana kewarasan berfikir dan adanya sikap mahu berbincang, menjadikan perkara buruk telah dapat dihindarkan.

PERLANTIKAN

Secara umum diketahui bahawa perlantikan para pembesar dibuat oleh pemerintah atau raja. Biasanya terdapat beberapa kriteria tertentu bagi membolehkan seseorang itu terpilih dan dilantik. Misalnya beliau itu mestilah anak lelaki sulung, mewarisi jawatan tersebut dari keturunannya, mempunyai keilmuan yang melayakkannya menjadi pemimpin, ada sedikit sebanyak harta yang dapat menampung kehidupannya dan atau dilantik serta disahkan perlantikan itu oleh Raja (pemerintah) (Mejar (B) Haji Mior Ahmad Noor bin Mior Hamzah, 2002: 128). Dengan ini memperlihatkan kepada kita bahawa seseorang menteri atau pembesar itu bukanlah sebarang orang sahaja dilantik. Ia perlukan ciri-ciri di atas atau memiliki beberapa keistimewaan

lain seperti menang pertandingan, menyelamatkan maruah kerajaan dan raja, dapat membunuh musuh yang mengancam, dapat mengubati penyakit yang merbahaya atau berwabah dan pelbagai lagi. Dalam perbincangan ini, dapat dilihat bagaimana Tun Perak anak kepada Bendahara Seri Wak Raja, Bendahara Melaka yang ketiga telah dilantik menjadi Penghulu di Kelang atas kemahuan penduduk di situ. Sejarah Melayu menggambarkan:

“Maka ada anak Bendahara Seri Wak Raja tiga orang; yang tua sekali perempuan, Tun Kudu namanya, terlalu amat baik parasnya, maka diperisteri oleh Sultan Muzaffir Shah; ada pun yang tengah itu lelaki, Tun Perak namanya; dan yang bongsu Tun Parapateh Putih namanya. Adapun Tun Perak itu tiada kena kerja, maka ia pergi beristeri ke Kelang; ia diam di Kelang sekali. Hatta beberapa lamanya orang Kelang pun menolak penghulunya, maka ia menghadap ke Melaka hendak memohon penghulu yang lain. Maka titah Sultan Muzaffir Shah, “Siapa pula kamu kehendaki akan penghulu kamu?”. Maka sembah orang Kelang, “Tuanku jikalau ada kurnia akan patik, Tun Peraklah patik pohonkan akan jadi penghulu patik sekalian”. Maka titah baginda, Baiklah: Tun Perak jadi penghulu orang Kelang itu” (hal. 90).”

Daripada apa yang digambarkan di atas ternyata dalam perlantikan di atas, Tun Perak mempunyai ciri-ciri yang digambarkan. Meskipun beliau tidak mewarisi jawatan Penghulu Kelang, pada hakikatnya beliau merupakan anak seorang Bendahara Melaka yang mempunyai kekuasaan keatas Kelang. Kemampuan dan kebolehannya di Kelang dan apa yang telah dipertunjukkannya di Melaka kemudiannya telah menjadikan perlantikan itu sebagai asas kepada perlantikan beliau seterusnya. Apa yang menjadi fokus perbincangan di sini ialah suasana perlantikan itu adalah atas kemahuan dan pemilihan oleh penduduk setempat. Manakala Sultan Muzaffir pula sebagai pemerintah telah bertanyakan siapakah pilihan mereka sebelum membuat perlantikan dan pengesahan.

Setelah mengenali calon pilihan rakyatnya, Baginda pun memberi persetujuan dan pengesahan. Ini menggambarkan satu suasana pemuafakatan antara penduduk di petempatan dengan pemerintah di kota (pusat). Penduduk di petempatan mempunyai orang pilihan bagi memimpin mereka dan pemerintah di pusat pula amat mengenali pihak yang menjadi pilihan tersebut. Keadaan ini menggambarkan satu *suasana menang-menang* dalam penyelesaian masalah perlantikan tersebut. Maka tidaklah menimbulkan kekecuan dikemudian hari apabila perlantikan ketua/pemimpin tidak mendapat sokongan dan restu dari yang dipimpin sebagaimana berlaku dalam banyak peristiwa sekarang ini. Suasana ini menepati proses demokrasi yang menjadi amalan hari ini dan bangsa Melayu telahpun mengguna pakai konsep ini pada abad ke 15 lagi. Seharusnya prinsip yang telah diterima pakai sejak dahulu menjadi amalan yang berterusan sampai bila-bila. Maka tidaklah akan berlaku perebutan dalam memegang tampuk pemerintahan apabila sesuatu kriteria atau sistem itu dapat diikuti pada sepanjang masa tanpa perubahan berkepentingan. Kekallah apa yang dinamakan ‘adat diistiadatkan’.

Gambaran tentang peri pentingnya hubungan yang baik sesama pembesar dan juga antara pembesar dengan pemerintahan ini dapat diperlihatkan dari peristiwa pergeseran antara Bendahara Seri Nara DiRaja dengan Perdana Menteri Paduka Raja Tun Perak kemudiannya. Pergeseran ini telah memecah belahkan para pembesar dan pengikut mereka kepada dua. Akibatnya pernah berlaku pergaduhan akibat dari *sentiasa bersingggit juga*. Ini menjadikan Sultan Muzaffir susah hati dan amat berdukacita. Baginda telah melahirkan, "*Jikalau dengan demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tiada muafakat sama orang besar*".

Baginda telah bertindak menyatukan mereka kembali. Akhirnya digambarkan bahawa ada pihak lain yang menjadi kurban demi penyatuan kepada dua tokoh ini untuk kepentingan kerajaan (negeri). Setelah dikahwinkan Tun Kudu dengan Bendahara Seri Nara DiRaja, maka krisis inipun berakhir dan Tun Perak telah dilanti menjadi Dato' Bendahara (hal.94-96). Apa yang dapat dipelajari dari peristiwa pergeseran di atas ialah kurbannya bukan sahaja para pembesar tersebut, malahan melibatkan kerajaan. Ia boleh menumbangkan sebuah pemerintahan. Sejarah Melayu juga telah membuktikan kepada kita yang menjadi satu dari sebab kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan penjajah Portugis kerana krisis dalamannya. Maka wajarlah apa yang telah dibuat oleh Sultan Muzaffir bagi memelihara kerajaannya, "korbankan satu demi keselamatan/kesejahteraan semua".

Jika perbandingan dibuat antara peristiwa ini dengan kerajaan lain dan juga keadaan pada masa sekarang, penyelesaian krisis melalui perkahwinan bukan sahaja berlaku di kalangan bangsa Melayu, malah wujud di seluruh dunia. Sejarah-sejarah dunia telah menjadi saksi kepada perkara ini samada di Eropah, China, India dan sebagainya. Di Eropah misalnya, sering berlaku perkahwinan antara anak Raja Perancis dengan Sepanyol, England ataupun Russia dan sebagainya. Demikian juga sebaliknya. Begitulah juga halnya dengan keadaan sekarang ini. Hubungan kekeluargaan (perkahwinan) dalam *politik* amat berkesan sekali bagi memastikan penerusan kuasa. Dalam politik Malaysia misalnya kita melihat terlalu rapat hubungan kekeluargaan Dato' Onn Jaafar dengan Paduka Sultan Ibrahim Johor misalnya. Begitu juga hubungan Menteri Besar Kedah dari kalangan Syed dengan Paduka Seri Sultan. Samalah juga halnya dengan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada zaman awalnya mempunyai kaitan kekeluargaan dengan Gabenor Bank Negara Tun Ismail Mohd Ali, Menteri Besar Selangor Dato' Ahmad Razali Mohd Ali dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia General Tan Seri Hashim Mohd Ali. Demikian juga dengan contoh-contoh lain apabila wujudnya hubungan kekeluargaan antara Allahyarham Tun Abdul Razak dari Pahang dengan Tun Hussein Onn dari Johor misalnya.

KEWUJUDAN SISTEM

Satu perkara yang patut dinyatakan di sini ialah tentang kewujudan sistem. Sistem pemerintahan, hieraki pembesar dan peraturan yang wujud dalam Kerajaan Melayu adalah cipataan bangsa kita. Tidaklah dinafikan bahawa adanya unsur-unsur yang diambil secara meminjam atau pengubahsuaian. Perkara ini bukanlah asing kerana

perkembangan kehidupan itu adanya pergaulan dan perhubungan. Sejarah juga telah membuktikan adanya unsur dan pengaruh Hindu dalam masyarakat kita sebelum kedatangan Islam. Namun kita tidak boleh mempertidakkkan yang unsur-unsur asli atau tradisi tetap ada dalam kehidupan masyarakat kita. Bagi memfokuskan kepada perbincangan ini, memang diperakui perkataan Raja dan Sultan adalah pinjaman dari pengaruh Hindu dan Islam. Namun bagi perkataan lain seperti ketua, pemimpin, pembesar; Bendahara, Orang Besar, Orang Kaya-Kaya dan berbagai lagi adalah perkataan asal Melayu. Jika ada meminjaman dan penyibaran [peresapan atau difusi] terhadap bahasa Sanskrit atau Arab tersebut adalah dilakukan sendiri oleh orang Melayu. Ia dibuat melalui hubungan langsung mereka dengan penutur bahasa tersebut seperti pergaulan, perdagangan atau perkahwinan. Maka berkembanglah budaya dan bahasa tersebut dalam masyarakat berbahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 1988: 6).

Melalui perbincangan ini Sejarah Melayu menggambarkan:

“Maka datanglah peredaran dunia, baginda [Raja Iskandar Shah] pun hilanglah, dan anakanda baginda Raja Besar Mudalah ganti kerajan ayahanda baginda, terlau sekali adil perintah baginda. Maka Raja Besar Muda pun memerintah istiadat tahta kerajaan baginda. Syahadan bagindalah yang pertama berbuat menteri mengajari orang di balai, dan mengadakan bentara empat puluh berdiri di ketapakan balai akan menjunjung titah raja dan menyampaikan sembah sekalian orang ke bawah duli baginda; dan bagindalah menjadikan anak tuan-tuan biduanda kecil akan suruh-suruhan raja membawa segala alat raja barang ke mana-mana dan barang sebagainya (hal. 72-73).”

Pengganti baginda yang diberi nama Sultan Muhammad Shah telah mengwujudkan pula peraturan dan larangan seperti *kekuningan larangan; berbuat rumah bepermanjongan bertiang gantung tiada terletak ke tanah; perahu bertingkap berpenghadapan; tidak boleh bergelang kaki emas, peraturan menghadap; menjunjung duli, menerima perutusan dan surat, adat-istadat menggelar, memberi persalinan, raja berangkat, raja bergajah, raja bekerja, sambutan dan amalan pada bulan Ramadhan, hari raya dan sebagainya* (dengan beberapa pengubahsuaian dari hal. 76-82). Apa yang diperjelaskan oleh Sejarah Melayu di atas sebagai satu gambaran yang bangsa Melayu itu sudah mempunyai satu sistem dan juga berperaturan. Ia bukannya sebuah masyarakat yang tidak bertamadun sebagaimana banyak sangkaan yang telah dibuat.

Secara keseluruhannya adalah jelas bahawa bangsa Melayu pada abad ke 15 dan sebelumnya telahpun mempunyai bentuk dan sistem pemerintahan yang tersendiri. Ia juga apabila dibandingkan dengan tamadun lain yang sezaman dengannya hampir ada persamaan. Satu lagi yang menariknya, apa yang diperkenalkan sebagai satu amalan sistem demokrasi selepas berlakunya Revolusi Peranchis pada akhir abad ke 18, ada diantaranya telah diamal dan diterima pakai dalam masyarakat Melayu pada abad ke 15 lagi. Inilah satu bukti gambaran yang menunjukkan bahawa bangsa Melayu itu sudah maju dan berkembang mengikut zamannya. Maka tidak

Gambaran tentang peri pentingnya hubungan yang baik sesama pembesar dan juga antara pembesar dengan pemerintahan ini dapat diperlihatkan dari peristiwa pergeseran antara Bendahara Seri Nara DiRaja dengan Perdana Menteri Paduka Raja Tun Perak kemudiannya. Pergeseran ini telah memecah belahkan para pembesar dan pengikut mereka kepada dua. Akibatnya pernah berlaku pergaduhan akibat dari *sentiasa bersingggit juga*. Ini menjadikan Sultan Muzaffir susah hati dan amat berdukacita. Baginda telah melahirkan, "*Jikalau dengan demikian binasalah negeri ini, kerana orang besarnya tiada muafakat sama orang besar*".

Baginda telah bertindak menyatukan mereka kembali. Akhirnya digambarkan bahawa ada pihak lain yang menjadi kurban demi penyatuan kepada dua tokoh ini untuk kepentingan kerajaan (negeri). Setelah dikahwinkan Tun Kudu dengan Bendahara Seri Nara DiRaja, maka krisis inipun berakhir dan Tun Perak telah dilanti menjadi Dato' Bendahara (hal.94-96). Apa yang dapat dipelajari dari peristiwa pergeseran di atas ialah kurbannya bukan sahaja para pembesar tersebut, malahan melibatkan kerajaan. Ia boleh menumbangkan sebuah pemerintahan. Sejarah Melayu juga telah membuktikan kepada kita yang menjadi satu dari sebab kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka ke tangan penjajah Portugis kerana krisis dalamannya. Maka wajarlah apa yang telah dibuat oleh Sultan Muzaffir bagi memelihara kerajaannya, "korbankan satu demi keselamatan/kesejahteraan semua".

Jika perbandingan dibuat antara peristiwa ini dengan kerajaan lain dan juga keadaan pada masa sekarang, penyelesaian krisis melalui perkahwinan bukan sahaja berlaku di kalangan bangsa Melayu, malah wujud di seluruh dunia. Sejarah-sejarah dunia telah menjadi saksi kepada perkara ini samada di Eropah, China, India dan sebagainya. Di Eropah misalnya, sering berlaku perkahwinan antara anak Raja Peranchis dengan Sepanyol, England ataupun Russia dan sebagainya. Demikian juga sebaliknya. Begitulah juga halnya dengan keadaan sekarang ini. Hubungan kekeluargaan (perkahwinan) dalam *politik* amat berkesan sekali bagi memastikan penerusan kuasa. Dalam politik Malaysia misalnya kita melihat terlalu rapat hubungan kekeluargaan Dato' Onn Jaafar dengan Paduka Sultan Ibrahim Johor misalnya. Begitu juga hubungan Menteri Besar Kedah dari kalangan Syed dengan Paduka Seri Sultan. Samalah juga halnya dengan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada zaman awalnya mempunyai kaitan kekeluargaan dengan Gabenor Bank Negara Tun Ismail Mohd Ali, Menteri Besar Selangor Dato' Ahmad Razali Mohd Ali dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia General Tan Seri Hashim Mohd Ali. Demikian juga dengan contoh-contoh lain apabila wujudnya hubungan kekeluargaan antara Allahyarham Tun Abdul Razak dari Pahang dengan Tun Hussein Onn dari Johor misalnya.

KEWUJUDAN SISTEM

Satu perkara yang patut dinyatakan di sini ialah tentang kewujudan sistem. Sistem pemerintahan, hieraki pembesar dan peraturan yang wujud dalam Kerajaan Melayu adalah cipataan bangsa kita. Tidaklah dinafikan bahawa adanya unsur-unsur yang diambil secara meminjam atau pengubahsuaian. Perkara ini bukanlah asing kerana

perkembangan kehidupan itu adanya pergaulan dan perhubungan. Sejarah juga telah membuktikan adanya unsur dan pengaruh Hindu dalam masyarakat kita sebelum kedatangan Islam. Namun kita tidak boleh mempertidakkkan yang unsur-unsur asli atau tradisi tetap ada dalam kehidupan masyarakat kita. Bagi memfokuskan kepada perbincangan ini, memang diperakui perkataan Raja dan Sultan adalah pinjaman dari pengaruh Hindu dan Islam. Namun bagi perkataan lain seperti ketua, pemimpin, pembesar, Bendahara, Orang Besar, Orang Kaya-Kaya dan berbagai lagi adalah perkataan asal Melayu. Jika ada peminjaman dan penyibarban [peresapan atau difusi] terhadap bahasa Sanskrit atau Arab tersebut adalah dilakukan sendiri oleh orang Melayu. Ia dibuat melalui hubungan langsung mereka dengan penutur bahasa tersebut seperti pergaulan, perdagangan atau perkahwinan. Maka berkembanglah budaya dan bahasa tersebut dalam masyarakat berbahasa Melayu (Asmah Haji Omar, 1988: 6).

Melalui perbincangan ini Sejarah Melayu menggambarkan:

“Maka datanglah peredaran dunia, baginda [Raja Iskandar Shah] pun hilanglah, dan anakanda baginda Raja Besar Mudalah ganti kerajan ayahanda baginda, terlau sekali adil perintah baginda. Maka Raja Besar Muda pun memerintah istiadat tahta kerajaan baginda. Syahadan bagindalah yang pertama berbuat menteri mengajari orang di balai, dan mengadakan bentara empat puluh berdiri di ketapakan balai akan menjunjung titah raja dan menyampaikan sembah sekelian orang ke bawah duli baginda; dan bagindalah menjadikan anak tuan-tuan biduanda kecil akan suruh-suruhan raja membawa segala alat raja barang ke mana-mana dan barang sebagainya (hal. 72-73).”

Pengganti baginda yang diberi nama Sultan Muhammad Shah telah mengwujudkan pula peraturan dan larangan seperti *kekuningan larangan; berbuat rumah bepermanjongan bertiang gantung tiada terletak ke tanah; perahu bertingkap berpenghadapan; tidak boleh bergelang kaki emas, peraturan menghadap; menjunjung duli, menerima perutusan dan surat, adat-istadat menggelar, memberi persalinan, raja berangkat, raja bergajah, raja bekerja, sambutan dan amalan pada bulan Ramadhan, hari raya dan sebagainya* (dengan beberapa pengubahsuaian dari hal. 76-82). Apa yang diperjelaskan oleh Sejarah Melayu di atas sebagai satu gambaran yang bangsa Melayu itu sudah mempunyai satu sistem dan juga berperaturan. Ia bukannya sebuah masyarakat yang tidak bertamadun sebagaimana banyak sangkaan yang telah dibuat.

Secara keseluruhannya adalah jelas bahawa bangsa Melayu pada abad ke 15 dan sebelumnya telahpun mempunyai bentuk dan sistem pemerintahan yang tersendiri. Ia juga apabila dibandingkan dengan tamadun lain yang sezaman dengannya hampir ada persamaan. Satu lagi yang menariknya, apa yang diperkenalkan sebagai satu amalan sistem demokrasi selepas berlakunya Revolusi Peranchis pada akhir abad ke 18, ada diantaranya telah diamal dan diterima pakai dalam masyarakat Melayu pada abad ke 15 lagi. Inilah satu bukti gambaran yang menunjukkan bahawa bangsa Melayu itu sudah maju dan berkembang mengikut zamannya. Maka tidak

hairanlah pada zaman kemuncaknya ia didatangi oleh lebih dari 80 suku-bangsa untuk berdagang dan berurusan dengannya. Keagungan dan kemasyhurannya bukan sahaja disegani dan digeruni malah turut dicemburui. Dengan meminjam kata-kata pelapor Portugis yang terkenal Tomes Pires, *Sesiapa yang menguasai Melaka, ia telah menguasai Venice (Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice)* (dipetik dari Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusoff Hashim, 2001: 61) telah dapat memberikan gambaran perihal akan kedudukan Melaka pada kaca mata dunia pada masa itu.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Secara jelas yang Melaka menamakan inilah "Perlembagaan Kerajaan Melayu Melaka" memang tidak ditemui dalam teks atau karya yang diperbincangkan. Daripada kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji, Melaka telah mempunyai dua kitab undang-undang yang menjadi rujukan: *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*. Hukum Kanun Melaka memperkatakan perundangan dalam negeri/kerajaan Melaka dan jajahan takluknya. Manakala Undang-Undang Laut Melaka pula memperkatakan tentang peraturan di laut, perkapalan dan juga perdagangan di pelabuhan. Kedua-dua undang-undang ini menggunakan Islam sebagai asas perundangan. Dalam hal ini dengan menggunakan beberapa peristiwa dan juga beberapa petikan di bawah ini akan memperlihatkan kepada kita betapa undang-undang dan peraturan yang telah diterima pakai secara menyeluruh di Melaka dan jajahan takluknya.

Antaranya ialah peristiwa kecurian yang amat sangat semasa pemerintahan Sultan Alau ddin Riayat Syah. Hal ini telah membuatkan Baginda sendiri telah berkawal dan menyamar untuk menangkap para pencuri tersebut. Akibat daripada tindakan tersebut telah memaksa pihak Temenggung membuat kawalan dengan lebih ketat dan membunuh orang yang dijumpai merayau-rayau di waktu malam. Kesannya tiada lagi kes kecurian berlaku di Melaka. Melaka juga telah memperkenalkan:

"Maka titah Sultan Alauddin kepada Bendahara Paduka Raja, menyuruh membuat balai di simpang empat dan di tengah negeri, di suruh bubuh seorang penghulu di sana. Maka titah baginda kepada Seri Maharaja, jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan pada yang punya, disuruh baginda kudong tangannya; dan jikalau tiada bertemu dengan yang punya harta, ke balai itulah dihantarkan. Maka di dalam negeri Melaka itu, jikalau harta orang gugur di jalan atau di pekan, maka dicari ke balai itulah ada tergantung di sana. Demikianlah peri adil Sultan Alauddin (hal. 174)."

Dari gambaran di atas amat jelas sekali peraturan dan hukuman yang dilaksanakan adalah mengikut syariat Allah yang sejajar dengan perintahNya sebagaimana pada Surah al Maidah, ayat 38. Sebagai satu penilaian, Kerajaan Melayu Melaka telah membuktikan kepada kita bahawa undang-undang dan peraturan yang telah mereka praktikkan mampu memastikan keselamatan penduduk terjamin. Perlaksanaan dan pengendalian peraturan dengan tegas, baik dan berkesan

menyebabkan tidak berlakunya peristiwa yang boleh menggugat perhubungan baik dalam masyarakat majmuk pada masa itu.

Peristiwa lain yang boleh diperlihatkan dari segi peraturan dan undang-undang ini ialah perihal hukum bunuh. Sesungguhnya hukuman bunuh bukan satu hukuman yang mudah. Bukan sebarang kesalahan boleh dijatuhkan hukuman bunuh. Biasanya penderhakaan atau ada kaitannya dengan ketidak jujurannya hubungan antara lelaki dengan perempuan. Dari segi Islam pun hukuman yang tersebut di atas ditetapkan sedemikian rupa iaitu derhaka kepada Allah seperti murtad, derhaka kepada negara atau kerajaan seperti menjadi pembelot. Begitu juga berlakunya hubungan yang sumbang antara lelaki dan perempuan sehingga melibatkan perzinaan boleh dihukum bunuh; rejam sampai mati atau disula mengikutlah status pelakunya. Apa yang mahu digambarkan di sini ialah peristiwa pembunuhan Telanai Terengganu oleh Sultan Muhammad dari Pahang telah menimbulkan kemarahan Sultan Alauddin Shah yang hampir membawa kepada peperangan. Namun kerana nasihat para menteri dan pembesar, perdamaian dapat dicipta (hal.179-183).

Peristiwa yang hampir sama juga berlaku di Siak. Sultan Siak telah memerintah hukuman bunuh kepada seorang rakyatnya tanpa memberitahu dan mendapat keizinan dari Melaka. Akibatnya Siak telah diberi amaran keras oleh Melaka. Wakil Kerajaan Melayu Melaka iaitu Laksamana Hang Tuah telah mengeluarkan kata keras kepada Tun Jana Pakibul Perdana Menteri di hadapan Sultan Ibrahim Siak yang berbunyi:

“Tiada berbudi tuan hamba orang hutan, maka tiada tahu cara adat bahasa; benarkah membunuh orang tiada memberi tahu ke Melaka? Hendak maharaja lela tuan hamba di Siak?” (hal. 183).”

Peristiwa ini selain dari memberi gambaran tentang peraturan dan undang-undang, ia juga berkait dengan perbincangan awal di atas iaitu mesyuarat atau perbincangan. Tun Jana Pakibul ditempelak dan dituding dengan tangan kiri oleh Laksamana kerana sebagai Perdana Menteri beliau sepatutnya mengetuai para menteri dan pembesar bagi menasihati Sultan. Bukan mengikut perintah membuta tuli kerana Kerajaan Melayu Melaka ada undang-undang dan peraturannya serta juga adat-istiadat dan adapnya. Perbuatan sedemikian itu lebih kepada perbuatan mengampu dan tidak tahu menjalankan tugas dan melaksana tanggung jawab. Akibatnya negara menjadi sandaran jika berlakunya peperangan.

Kesan besar dari dua peristiwa yang dipetik di atas, khususnya bagi peristiwa di Siak ialah Sultan Ibrahim terpaksa berkirim sembah melalui Laksamana yang berbunyi:

“Paduka kekanda empunya sembah, datang kepada paduka adinda, jikalau ada khilaf bebal paduka kekanda, melainkan ampun paduka adinda banyak-banyak akan paduka kekanda (hal . 184).”

Ini kerana pada masa itu Siak adalah di bawah kekuasaan Melaka. Segala peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan di Melaka adalah diterima pakai bagi seluruh kerajaan yang mengakui pertuanan Kerajaan Melayu Melaka. Sebagai

hairanlah pada zaman kemuncaknya ia didatangi oleh lebih dari 80 suku-bangsa untuk berdagang dan berurusan dengannya. Keagungan dan kemasyhurannya bukan sahaja disegani dan digeruni malah turut dicemburui. Dengan meminjam kata-kata pelapor Portugis yang terkenal Tomes Pires, *Sesiapa yang menguasai Melaka, ia telah menguasai Venice (Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice)* (dipetik dari Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusoff Hashim, 2001: 61) telah dapat memberikan gambaran perihal akan kedudukan Melaka pada kaca mata dunia pada masa itu.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Secara jelas yang Melaka menamakan inilah "Perlembagaan Kerajaan Melayu Melaka" memang tidak ditemui dalam teks atau karya yang diperbincangkan. Daripada kajian yang telah dibuat oleh para pengkaji, Melaka telah mempunyai dua kitab undang-undang yang menjadi rujukan: *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*. Hukum Kanun Melaka memperkatakan perundangan dalam negeri/kerajaan Melaka dan jajahan takluknya. Manakala Undang-Undang Laut Melaka pula memperkatakan tentang peraturan di laut, perkapalan dan juga perdagangan di pelabuhan. Kedua-dua undang-undang ini menggunakan Islam sebagai asas perundangan. Dalam hal ini dengan menggunakan beberapa peristiwa dan juga beberapa petikan di bawah ini akan memperlihatkan kepada kita betapa undang-undang dan peraturan yang telah diterima pakai secara menyeluruh di Melaka dan jajahan takluknya.

Antaranya ialah peristiwa kecurian yang amat sangat semasa pemerintahan Sultan Alau ddin Riayat Syah. Hal ini telah membuatkan Baginda sendiri telah berkawal dan menyamar untuk menangkap para pencuri tersebut. Akibat daripada tindakan tersebut telah memaksa pihak Temenggung membuat kawalan dengan lebih ketat dan membunuh orang yang dijumpai merayau-rayau di waktu malam. Kesannya tiada lagi kes kecurian berlaku di Melaka. Melaka juga telah memperkenalkan:

"Maka titah Sultan Alauddin kepada Bendahara Paduka Raja, menyuruh membuat balai di simpang empat dan di tengah negeri, di suruh bubuh seorang penghulu di sana. Maka titah baginda kepada Seri Maharaja, jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkan pada yang punya, disuruh baginda kudong tangannya; dan jikalau tiada bertemu dengan yang punya harta, ke balai itulah dihantarkan. Maka di dalam negeri Melaka itu, jikalau harta orang gugur di jalan atau di pekan, maka dicari ke balai itulah ada tergantung di sana. Demikianlah peri adil Sultan Alauddin (hal. 174)."

Dari gambaran di atas amat jelas sekali peraturan dan hukuman yang dilaksanakan adalah mengikut syariat Allah yang sejajar dengan perintahNya sebagaimana pada Surah al Maidah, ayat 38. Sebagai satu penilaian, Kerajaan Melayu Melaka telah membuktikan kepada kita bahawa undang-undang dan peraturan yang telah mereka praktikkan mampu memastikan keselamatan penduduk terjamin. Perlaksanaan dan pengendalian peraturan dengan tegas, baik dan berkesan

menyebabkan tidak berlakunya peristiwa yang boleh menggugat perhubungan baik dalam masyarakat majmuk pada masa itu.

Peristiwa lain yang boleh diperlihatkan dari segi peraturan dan undang-undang ini ialah perihal hukum bunuh. Sesungguhnya hukuman bunuh bukan satu hukuman yang mudah. Bukan sebarang kesalahan boleh dijatuhkan hukuman bunuh. Biasanya penderhakaan atau ada kaitannya dengan ketidak jujurannya hubungan antara lelaki dengan perempuan. Dari segi Islam pun hukuman yang tersebut di atas ditetapkan sedemikian rupa iaitu derhaka kepada Allah seperti murtad, derhaka kepada negara atau kerajaan seperti menjadi pembelot. Begitu juga berlakunya hubungan yang sumbang antara lelaki dan perempuan sehingga melibatkan perzinaan boleh dihukum bunuh; rejam sampai mati atau disula mengikutlah status pelakunya. Apa yang mahu digambarkan di sini ialah peristiwa pembunuhan Telanai Terengganu oleh Sultan Muhammad dari Pahang telah menimbulkan kemarahan Sultan Alauddin Shah yang hampir membawa kepada peperangan. Namun kerana nasihat para menteri dan pembesar, perdamaian dapat dicipta (hal.179-183).

Peristiwa yang hampir sama juga berlaku di Siak. Sultan Siak telah memerintah hukuman bunuh kepada seorang rakyatnya tanpa memberitahu dan mendapat keizinan dari Melaka. Akibatnya Siak telah diberi amaran keras oleh Melaka. Wakil Kerajaan Melayu Melaka iaitu Laksamana Hang Tuah telah mengeluarkan kata keras kepada Tun Jana Pakibul Perdana Menteri di hadapan Sultan Ibrahim Siak yang berbunyi:

“Tiada berbudi tuan hamba orang hutan, maka tiada tahu cara adat bahasa; benarkah membunuh orang tiada memberi tahu ke Melaka? Hendak maharaja lela tuan hamba di Siak?” (hal. 183).”

Peristiwa ini selain dari memberi gambaran tentang peraturan dan undang-undang, ia juga berkait dengan perbincangan awal di atas iaitu mesyuarat atau perbincangan. Tun Jana Pakibul ditempelak dan dituding dengan tangan kiri oleh Laksamana kerana sebagai Perdana Menteri beliau sepatutnya mengetuai para menteri dan pembesar bagi menasihati Sultan. Bukan mengikut perintah membuta tuli kerana Kerajaan Melayu Melaka ada undang-undang dan peraturannya serta juga adat-istiadat dan adapnya. Perbuatan sedemikian itu lebih kepada perbuatan mengampu dan tidak tahu menjalankan tugas dan melaksana tanggung jawab. Akibatnya negara menjadi sandaran jika berlakunya peperangan.

Kesan besar dari dua peristiwa yang dipetik di atas, khususnya bagi peristiwa di Siak ialah Sultan Ibrahim terpaksa berkirim sembah melalui Laksamana yang berbunyi:

“Paduka kekanda empunya sembah, datang kepada paduka adinda, jikalau ada khilaf bebal paduka kekanda, melainkan ampun paduka adinda banyak-banyak akan paduka kekanda (hal . 184).”

Ini kerana pada masa itu Siak adalah di bawah kekuasaan Melaka. Segala peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan di Melaka adalah diterima pakai bagi seluruh kerajaan yang mengakui pertuanan Kerajaan Melayu Melaka. Sebagai

penutup dari penceritaan peristiwa-peristiwa di atas, penyusun karya ini menuliskan:

“Demikianlah istiadat dahulu kala, jangankan di dalam negeri Melaka itu dapat membunuh dengan tiada setahu raja, jikalau takluk ke Melaka pun tiada boleh membunuh dengan tiada bertanya (hal. 184).”

Sebagai kesimpulan dari perbincangan tajuk kecil tentang Kerajaan Melayu Melaka yang telah mempunyai undang-undang dan peraturan yang berteraskan agama Islam, petikan dari peristiwa ini:

“Ada pun engkau, hai anakku, Muhammad, hendaklah banyak banyak ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik baik peliharamu akan dia, kerana firman (Allah), “Inna lahu m’a ‘s-sabirina”, yakni, Allah beserta dengan segala yang sabar. Jikalau datang pada mu dua pekerjaan, yakni pekerjaan Allah dengan pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pelerjaan Allah, tinggalkan pekerjaan dunia, dan hendaklah engkau sangat sangat menyerahkan dirimu ke hadrat Allah Taala. Dan segala anak Melayu, bagaimana pun besar dosanya, jangan kamu bunuh, melainkan dosanya derhaka; kerana segala Melayu itu tanahmu, seperti kata Arab, “Al-‘abdu tinayu ‘l-maulahu”, ertinya, yang hamba itu, tanah tuhan nya. Jika kau bunuh ia dengan tiada dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hei anakku hendaklah engkau turut dan engkau ingatkan wasiatku ini, dan engkau kerjakan, supaya berkat engkau diberi Allah Subhanahu Wataala” (hal 186).”

Wasiat dari Sultan Alauddin kepada puteranya Raja Muhammad (Mahmud) sebagai bakal sultan. Ini kerana sebelum itu Baginda telah pun berwasiat kepada Bendahara, Qadhi, Paduka Tuan, Penghulu Bendahari, Temenggong, Laksamana bersama-sama Raja Mahmud,

“...jikalau kita mati, bahawa anak kita si Muhammad inilah rajakan oleh Bendahara akan ganti kita (hal. 185).”

Dari bukti sejarah kemudiannya, kerana kezaliman yang dilakukan oleh Sultan Mahmud, menjadikan satu dari sebab baginda hilang ketahtaan dan Kerajaan Melayu Melaka hanya tinggal dalam lipatan sejarah. Ada bijak pandai mengatakan:

“manusia boleh bertuankan manusia, tetapi manusia tidak boleh bertuhankan manusia, mereka akan rosak binasa”.

ILMU DAN PENDIDIKAN

Keagungan Melaka sering dikaitkan dengan kejayaan perdagangannya melalui Bandaraya Pelabuhan (Port-City) dan juga pusat penyiaran agama Islam. Pada bahagian ini tumpuan diberikan kepada perbincangan sebagai pusat ilmu dan pendidikan. Para pedagang/pendakwah berperanan menyampaikan dan menyebarkan agama Islam kepada penduduk Melaka pada peringkat awal. Namun setelah Melaka berada pada zaman puncaknya Melaka telah mampu menarik ramai para pendakwah dan ulamak besar dari Timur Tengah/Benua Kecil India datang berkunjung dan

menyebarkan agama Islam dengan lebih mendalam lagi ke Melaka. Islam diajar dan dipelajari di surau, masjid, rumah para pembesar dan juga di istana-istana sultan. Diantara tokoh ulamak dari Timur Tengah/Benua Kecil India yang telah datang atau dibawa ke Melaka ialah Makhdum Sayyid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Qadhi Yusuf, Qadhi Menuo, Qadhi Munawar Syah, Maulana Sadar Jahan dan lain-lainnya (Haji Mohd Jamil Bin Mukmin, 2001: 24).

Pada zaman pemerintahan Sultan Mansor Syah, telah datang ke Melaka seorang pendita yang bernama Maulana Abu Bakar dari Tanah Arab. Beliau datang membawa kitab tasauf, berjudul Darul Mazlum yang dikarang oleh gurunya Maulana Abu Isahak. Maka kata Maulana Abu Isahak kepada Maulana Abu Bakar.

“Pergilah engkau turun ke negeri Melaka, beri petua oleh mu segala orang di bawah angin” (hal. 154).

Di Melaka kitab itu telah diberi sambutan dan diarakkan ke balairong. Murid utamanya ialah Sultan Mansor sendiri. Dikatakan Baginda itu *terlalu amat terang hati baginda; maka banyaklah ilmu diperolehi baginda* (hal. 154). Kitab ini bukan sahaja dipelajari, malahan telah diterjemahkan untuk lebih difahami. Tugas penterjemahan ini telah diberikan kepada Makhdum Pakatan di Pasai. Dengan ini ajaran dari kitab itu dapat disampaikan dalam bahasa Melayu yang dimengertikan oleh seluruh penduduk.

Apa yang hendak ditegaskan di sini ialah tentang sikap orang Melayu dengan agama Islam. Mereka cukup memuliakan guru agama dan juga kitab yang menjadi ajarannya. Tradisi ini telah diperlihatkan dengan gambaran di atas apabila kitab itu telah diarak dan Maulana Abu Bakar dipermuliakan oleh Sultan dan baginda sendiri menjadi muridnya. Ini juga menggambarkan satu tradisi pembelajaran amat dipentingkan bila mana Sultan sendiri belajar dan menitahkan supaya isi kandungan itu diterjemahkan.

Satu lagi yang boleh dipelajari dari penulisan di atas ialah hubungan baik antara pemerintah dengan alim ulamak atau bijak pandai. Sering kali diperlihatkan hubungan baik ini, ia bukan sahaja kepada bidang keagamaan, malahan dalam pelbagai bidang. Misalnya Maharaja Dewa Sura seorang pemerintah dari Pahang yang menjadi tawanan Melaka telah diberi penghormatan kerana mempunyai ilmu dan kemahiran tentang gajah yang dikenali dengan “ilmu gajah”. Diceritakan oleh penyusun:

“Maka oleh sultan Mansor Syah segala anak tuan-tuan itu disuruh baginda berguru kepada Maharaja Dewa Sura akan ilmu gajah, kerana adat sultan apabila orang tahu ilmu gajah atau kuda atau bermain pelbagai senjata, maka di suruh baginda segala anak tuan-tuan belajar; belanjanya baginda beri (hal. 104).”

Perkara lain yang boleh ditonjolkan kepentingannya ialah nilai ilmu. Semua ilmu pengetahuan digalakkan dipelajari oleh rakyat jelatanya dan pembiyaannya dibuat oleh kerajaan. Kelihatannya seperti konsep biasiswa dalam dunia pendidikan hari ini, bilamana anak tuan-tuan yang dibiayai akan kembali bekerja dengan pemerintah. Sesuai dengan masa dan zaman itu, ilmu yang berkaitan dengan binatang, peperangan,

persilatan, pelayaran dan perkapalan, perdagangan dan seumpamanya amat dititik beratkan. Kita juga berkeyakinan, sekiranya pada masa itu sudah ada ilmu perkomputeran atau ilmu nuklear seperti hari ini misalnya, sudah barang pasti akan dipelajari oleh orang Melaka. Sebagai contoh, bagi mempelajari ilmu peperangan dan juga sebagai peniup semangat semasa berperang, Kerajaan Melayu Melaka menggunakan kitab Islam seperti Hikayat Amir Hamzah, Hikayat Muhammad Ali Hanafiah dan Hikayat Iskandar Zulkarnain. Kitab-kitab ini juga memberi pengajaran tentang sejarah Islam. Secara jelas Sejarah Melayu memperlihatkan, ketika berlaku peperangan dengan Portugis:

“Apa kita buat bertunggu di balairong diam-diam sahaja? Baik kita membaca hikayat perang, supaya kita beroleh faedah daripadanya”. Maka kata Tun Muhammad Onta, “Benar kata tuan tuan itu, baiklah Tun Indera Sagara pergi memohon Hikayat Muhammad Hanafiah, sembahkan mudah mudahan dapat patik-patik itu mengambil faedah daripadanya, kerana Feringgi akan melanggar esok hari” (hal. 273-274).

Bagi ilmu pelayaran dan perkapalan merupakan satu ilmu yang penting pada masa itu. Ini sesuai dengan status Melaka sebagai Pusat Perdagangan dan alam Melayu ini sebuah kepulauan yang dikelilingi oleh laut. Kemahiran dalam mengendalikan kapal dan cekap dengan ilmu kelautan amat diperlukan. Maka tidaklah menjadi kehairanan kepada kita hari ini apabila Sejarah Melayu menerangkan akan kebolehan orang Melayu di Melaka dengan dunia kelautan dan perkapalan mereka. Dicatatkan:

“Maka Hang Nadim pergilah naik kapal Hang Isap, kerana pada masa itu orang Melaka ratalah berkapal belaka. Maka belayarlah ia ke Keling (hal. 220).”

Peristiwa ini ketika Hang Nadim ditugaskan ke benua Keling bagi mencari kain serasah empat puluh bagai yang mengandungi empat puluh bunga untuk kegunaan Sultan Mahmud. Semasa dalam perjalanan balik, kapal Hang Isap telah tenggelam di tengah perjalanan, Hang Nadim kemudiannya berlepas menumpang kapal orang ke Melaka. Ini menggambarkan banyaknya kapal orang Melaka dan juga kapal yang datang dan pergi ke Melaka. Demikian jugalah dengan penghasilan dua buah buku undang-undang yang ada di Melaka: Hukum Kanun Melaka dan juga Undang-undang Laut Melaka sudah barang pasti dihasilkan oleh pihak yang berilmu dan memperolehi ilmu dari pendidikan yang ada di Melaka atau ilmu yang dibawa ke Melaka. Inilah kelebihan Melaka dan orang-orang Melayunya.

Kepercayaan ilmu dan pendidikan ini diperlihatkan lagi oleh Sejarah Melayu sehingga ke zaman terakhir Kesultanan Melayu Melaka. Misalnya Sultan Ahmad yang menggantikan ayahandanya Sultan Mahmud membawa bersama makhdumnya pergi berperang kerana pada masa itu Baginda sedang berguru kepada makhdum itu peri hal ilmu tauhid. Sehingga dalam suasana kalam kabut membuat serangan ke atas Portugis dengan kenderaan gajahnya di atas jambatan, Sultan Ahmad masih bersoal jawab dengan gurunya tentang ilmu. Baginda diperingatkan:

“Hei Sultan, di sini bukannya tempat tauhid, mari kita kembali”.
Maka Sultan Ahmad pun tersenyum. Maka Baginda pun kembali ke istana
Baginda (hal. 273).”

Apa pentingnya penjelasan di atas ialah bagi memberikan gambaran bahawa tradisi ilmu dan pendidikan ini datangnya dari para pemerintah. Mereka menjadi pelopor, contoh, penggalak, pembiaya dan atau juga penaja kepada perkembangan ilmu pengetahuan tersebut.

Daripada catatan kemudiannya tradisi ini diteruskan oleh warisan-warisan Kerajaan Melayu Melaka sampai ke hari ini apabila Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Raja Nazrin Syah Ibni Paduka Seri Sultan Azlan Syah telah berjaya menamatkan pengajian ijazah Doktor Falsafahnya. Sebelum itu dari catatan Raja Ali Haji pengarang Kitab Tuhfat al Nafis yang ditulis dari bulan November 1866 hingga ke tahun 1872, menyebutkan bahawa Yang DiPertuan Muda Raja Jaafar yang ditabal menjadi Raja Kerajaan Riau pada tahun 1805 adalah seorang raja yang solih dan kuat menuntut ilmu (Virginia Matheson, (ed.), 1982; dipetik dari Prof. Dr. Teuku Ibrahim Alfian, 2001: 85). Demikianlah juga dengan pemerintah-pemerintah Kerajaan Melayu yang lainnya. Mereka mempunyai keilmuan masing-masing sebagaimana yang telah banyak diperbincangkan.

Sekadar mengambil contoh, Raja Yusof putera Sultan Abdullah Muhammad (1851-1857), Sultan Perak ke 22 merupakan seorang anak raja yang mempunyai ilmu kependekaran. Keilmuan ini telah menjadikan beliau seorang yang gagah dan jaguh. Keadaan ini sesuai dengan suasana semasa itu yang Kerajaan Melayu Perak sedang berada dalam krisis ketahtaan yang memanjang dan juga sedang berhadapan dengan musuh; ancaman dari Kedah kerana desakan Siam dan ancaman dari Selangor kerana perluasan wilayah dan pengaruh Bugis di sini. Dalam menghadapi suasana krisis itu, Raja Yusof telah mempertahankan kemahkotaan ayahandanya yang menjadi rebutan daripada pesaingnya iaitu Raja Muda Jaafar. Akibat dari tindakannya, beliau telah berselisih faham dengan Raja Muda Jaafar dan para pembesar yang menyokong Raja Muda tersebut. Sebagai ganjarannya, Raja Yusuf telah hilang jawatan Raja Di Hilir setelah beliau diketepikan dari jawatan tersebut apabila Raja Muda Jaafar menaiki takhta sebagai Sultan Perak ke 23 pada tahun 1857, “*Kerana ramai orang besar-besar Perak yang tiada gemar kepadanya*” (M.A. Fawzi Basri, 1986: 50). Jawatan ini merupakan anak tangga pertama dalam jawatan Raja Bergelar bagi Kerajaan Melayu Perak. Meskipun beliau tertinggal dan terus tertinggal kemudiannya, namun kerana ilmu kependekaran dan kekuatan yang ada pada beliau menyebabkan beliau terus dapat bertahan di kawasan “pegangannya” Senggang (hilir dari kawasan Sayong dalam daerah Kuala Kangsar hari ini). Kekuatan pegangannya terhadap kawasan Senggang menjadikan Raja Muda Abdullah tidak berani datang menuntut takhta Kerajaan Perak di Sayong pada tahun 1871. Namun akhirnya beliau dapat juga takhta yang menjadi hak dari warisannya pada 30 Mac 1877 (Haji Buyong Adil, 1972: 97). Ini bukanlah secara kebetulan kerana mengikut aturan atau pusingannya ialah giliran Baginda menjadi Sultan Perak. Demikianlah kelebihan orang yang berilmu dan mempertahankan haknya (prinsip)

secara bersungguh-sungguh dan berterusan.

Mengakhiri perbincangan ringkas mengenai ilmu dan pendidikan ini, kita gambarkan perihal adat-istiadat serta adab berguru (mengaji) sebagaimana yang telah dipaparkan oleh Sejarah Melayu.

Arakian maka Sultan Mahmud hendak pergi mengaji mu'amalat pada Maulana Yusof;.....Maka Sultan Mahmud pun naik gajah, diringkan orang banyak pergi ke rumah Maulana Yusof; telah datang keluar pintu Maulana Yusof, maka kata Maulana Yusof, "Apa kerja Sultan datang ke rumah fakir?. Tutup pinyi pagar kita". Maka Sultan Mahmud pun kembalilah ke istana Baginda. Telah hari malam, maka segala hamba raja disuruh baginda pulang. Telah sunyi, maka Sultan Mahmud pun pergi dua berbudak, Kitab Mu'amalat itu Baginda sendiri membawa dia. Setelah datang keluar pintu Maulana Yusof, maka titah Sultan pada penunggu pintu itu, "Beritahu Maulana, bahawa fakir Mahmud datang". Maka kata Maulana Yusof, "Jika fakir Mahmud, buka pintu; fakir patutlah ke rumah samanya fakir" (hal. 203).

Cukup jelas di sini dalam keadaan menuntut ilmu, seharusnya seseorang itu bersifat sebagai seorang murid atau pelajar. Guru haruslah diumpamakan sebagai guru walaupun siapa kita atau anak siapa kita ini. Dari guru itulah datangnya ilmu. Guru yang baik akan sentiasa memberikan keberkatan ilmunya kepada pelajar.

Sebab itulah dalam amalan tradisi masyarakat Melayu, ada majlis serah-terima pelajar antara ibu-bapa/penjaga dengan pihak yang akan mengajar (guru). Dalam majlis itu ada disediakan pulut putih-kuning dengan lauk pauknya, beras bertih, berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dan juga penyerahan kepercayaan ibu-bapa/penjaga kepada guru. Mengikut amalan di negeri Perak, antara yang sering diucapkan oleh ibu-bapa/waris ialah, "*Ustaz!!, teman (saya) serahkan si Mior (sianu-sianu) ni (ini) kepada ustaz untuk diajo (diajar) mengaji. Buatlah macam anak sendiri. Jangan patah-riuk, buta-pekak, atas Ustazlah pande (pandai) nya dia nanti*". (Penulis: pengetahuan warisan keluarga yang terlibat dalam pengajaran bacaan al-Quran kepada anak-anak ahli keluarga dan masyarakat kampung).

Bagi pihak pengajar (guru) pula, mereka tidak pernah membeza-membezakan di kalangan anak murid tersebut. Kelebihan dan kekurangan murid itu diperhatikan pada kecekapan atau kelemahannya menerima ilmu pelajaran, disamping tingkah laku dan budi bahasanya. Bukan status atau rupa parasnya. Ini kerana mereka tahu, apa yang dilakukan itu adalah menyampaikan ilmu pengetahuan tanpa kompromi kepentingan. Ia juga merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang akan dipersoalkan kemudian nanti. Mereka juga tidak pernah mengharap imbuhan di dunia kerana kebanyakan dari mereka ini sememangnya dari kalangan orang yang berada dan ternama. Sebab itulah Maulana Sadar Jahan dari tanah Arab begitu tersinggung apabila dikatakan sebagai *ahmak* datang ke Melaka untuk mencari harta, walaupun oleh penuturnya yang ketika itu sedang dalam keadaan mabuk; bersifat tidak waras akal (hal. 250).

HUBUNGAN LUAR DAN DIPLOMATIK

Perkara ini perlu dipertekan. Ini kerana ramai yang beranggapan bangsa (orang) Melayu ketinggalan dalam bab ini. Sebab itu ramai yang membuat tanggapan kasar yang orang Melayu tidak bersifat diplomatik serta tidak tahu etika. Sesungguhnya kenyataan sedemikian adalah sumbang dan mereka tidak mengenali Melayu dengan sebenarnya. Dari penulisan Sejarah Melayu sendiri banyak yang boleh diketengahkan mengenai tajuk yang sedang diperbincangkan. Awal-awal lagi Sejarah Melayu memperlihatkan ciri-ciri hubungan luar dan sikap diplomasi. Misalnya:

“Adapun setelah sampai Menteri kepada Nabi Khidir, maka ia pun memberi salam. Maka disahut Nabi Khidir salam Menteri itu, maka disuruhnya duduk. Arakian maka berkatalah Perdana Menteri itu kepada Nabi Khidir, “Ketahui oleh tuan hamba, ya Nabi Allah, bahawa raja hamba terlalu amat sekali kasihnya akan Raja Iskandar, tiada dapat hamba sifatkan; dan ada ia beranak seorang perempuan, tiada dapat dikatakan [keelokan parasnya], dan tiada ada bagainya anak raja-raja dalam alam ini, daripada rupanya dan budi pekertinya tiada taranya pada masa ini. Adalah kehendak raja hamba mempersembahkan dia akan jadi isteri Raja Iskandar” (hal. 5-6).”

Gambaran di atas ialah peristiwa Raja Kida Hindi meminta Nabi Allah Khidir menyampaikan hasrat peminangannya kepada Raja Iskandar Dzulkarnain dari bangsa Rom di Makaduniah nama negerinya. Peristiwa ini berlaku setelah kerajaannya ditewaskan oleh Raja Iskandar dan beliau telah memeluk Islam, di dalam agama Nabi Ibrahim. Dari segi diplomatik, perkahwinan ini telah merapatkan hubungan luar antara dua buah kerajaan yang besar pada masa itu: Makaduniah dengan negeri Hindi. Jika mengikut ayat dari Sejarah Melayu, Nabi Allah Khidir yang menjadi jurucakap kepada Raja Iskandar telah mengistiharkan di hadapan kedua-dua raja tersebut:

“Ketahui olehmu, hai Raja Kida Hindi, bahawa raja kamilah yang diserahkan Allah Taala kerajaan dunia ini kepadanya, dari masrik lalu ke maghrib, dari daksina datang ke paksina. Ada pun sekarang dengarnya bahawa tuan hamba ada beranak perempuan terlalu baik parasnya; kehendak baginda itu, minta dikasihi kiranya tuan hamba, dan diambil akan menantu tuan hamba, supaya berhubunglah segala anak cucu Raja Kida Hindi dengan anak cucu Raja Iskandar, jangan lagi berputusan kiranya hingga hari kiamat” (hal. 6).

Begitu indah sekali bahasa diplomasi Melayu bagi menggambarkan peristiwa tersebut. Walaupun petikan diawal menyatakan Raja Kida Hindi yang mempelawa Raja Iskandar melalui Nabi Allah Khidir. Namun sebagai jurucakap yang akan melakukan pernikahan kemudiannya, (atas sifat Wali Hakim) Nabi Khidir telah menggunakan perkataan yang menggambarkan suasana peminangan: “minta dikasihi kiranya tuan hamba, dan diambil akan menantu tuan hamba”. Kata-kata sedemikian menggambarkan bahawa kedua-dua kerajaan itu sama taraf dan melupakan peristiwa

yang telah berlalu. Hubungan baru dibina bagi mengukuhkan lagi kedudukan kerajaan masing-masing apabila telah saling membantu dan berhubungan.

Pernyataan di atas adalah satu gambaran sebelum zaman Melaka. Namun ia bukanlah sesuatu yang asing kerana hampir seluruh cerita tradisi Kerajaan Melayu mengkaitkan asal usul salasilah mereka dengan Kerajaan Rom dan Raja Iskandar Dzulkarnain. Bagi perbincangan seterusnya, kita lihat apa yang berlaku pada zaman Melaka. Beberapa peristiwa di ketengahkan bagi memperlihatkan contoh hubungan Luar dan Diplomatik. Diceritakan bahawa seorang dari anak Raja Pahili dari benua Keling yang bernama Mani Puridam telah merajuk dan membawa diri Ke Melaka.

“... Tetapi ke mana baik aku pergi melainkan ke Melaka, kerana pada zaman ini Raja Melaka itu raja besar; patut aku sembah. Lagipun baginda itu daripada anak cucu Raja Iskandar Dzulkarnain” (hal. 83).

Secara langsung atau tidak, Melaka telah dipandang oleh kerajaan luar untuk berhubungan walaupun pada penceritaan awal ini untuk tujuan bersuaka. Namun melalui persukaan atau penghijrahan ini amat memberi makna kepada Kerajaan Melayu Melaka kerana dari zuriat inilah lahirnya Raja-Raja Melaka melalui Raja Kassim (Sultan Muzaffir Syah) yang ibunya Tun Wati cucu kepada Seri Nara DiRaja. Seri Nara DiRaja telah mengambil Mani Puridam sebagai menantu dan Tun Wati kemudiannya telah berkahwin dengan Sultan Muhammad Syah. Selain dari Tun Wati, lahir sama kemudiannya Tun Ali yang menjadi Bendahara Melaka kemudiannya (hal 84-86). Sejarah Melayu meneruskan gambarannya tentang hubungan luar Melaka.

“Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffir tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka raja benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlekap menyerang Melaka; Awi Chakri nama panglimanya dan membawa rakyat terlalu banyak tiada tepermanai lagi (hal.90).”

Ini adalah peristiwa Melaka mendapat ancaman dari luar. Melaka dikatakan berjaya mengalahkan angkatan Siam di Hulu Muar. Ini kerana mereka menggunakan jalan darat melalui Pahang (hal. 92). Melalui peristiwa inilah kemudiannya Melaka telah menjalinkan perhubungan diplomatik dengan Kerajaan China bagi mengatasi persaingan dari Siam. Melaka memilih kerajaan yang lebih besar dari Siam untuk dijadikan sahabat. Ini merupakan satu diplomasi dalam kaedah perhubungan luar yang lebih efektif dan meyakinkan.

Meskipun dalam Sejarah Melayu digambarkan suasana sahabat-bersahabat dengan Kerajaan China telah dibuat terlebih awal dan juga kemudiannya, iaitu semasa pemerintahan pemerintahan Sultan Muhammad dan Sultan Mansor Syah. Namun dalam perbincangan perutusan ada menyebut yang Melaka berada dalam keadaan permusuhan. Ini menyebabkan sultan tidak dapat meninggalkan negeri.

“Maka titah raja China pada Tun Perpateh Putih, “Suruhlah anakku

raja Melaka menghadap aku ke mari supaya aku duduk dengan anakku Puteri Hang Li Po". Maka sembah Tun Perpateh Putih, "Tuanku, akan paduka anakanda raja Melaka, tiada dapat meninggalkan negeri Melaka, kerana negeri Melaka permusuhan; jika tuanku hendak menganugerahkan paduka anakanda itu, marilah patik bawa. Insyallah Taala selamat sampai ke Melaka" (hal. 129).

Ini menunjukkan hubungan ini berlaku selepas suasana perang. Oleh kerana perbincangan ini bukannya untuk membicarakan fakta sejarah *per se*, hubungan ini telah terjadi sebagaimana gambaran di atas dan ia telah disahkan oleh fakta sejarah itu sendiri (Malaysia Kita, 1991: 138-139). Peristiwa dari paparan di atas, jika dinilai dari sudut hubungan luar dan diplomatik hari ini, apa yang dilakukan oleh Melaka samalah dengan apa yang dilakukan oleh kebanyakan negara dunia ketiga selepas Perang Dunia Kedua dan bermulanya era Perang Dingin: "Berlindung dengan Amerika jika terancam oleh Soviet Russia/China dan juga sebaliknya". Satu suasana persaingan antara Blok Demokrasi dengan Blok Komunis.

Berkait dengan hubungan Melaka-Siam ini, Sejarah Melayu mengakhiri perhubungan ini dalam "suasana menang-menang". Atas inisiatif Sultan Mansor Syah sendiri:

"Apa bicara tuan hamba sekalian? Kita hendak menyuruh ke Siam. Apa sudahnya kita berhelangan dengan Siam. Berkelahi pun tiada, berdamai pun tiada, orang kita tiada pergi ke Siam, orang Siam pun tiada datang ke Melaka". Syahadan maka sembah segala menteri dan orang kaya-kaya itu, "Benar tuanku seperti titah Duli Yang Maha Mulia itu. Kerana daripada banyak seteru, baik berbanyak sahabat" (hal. 105).

Salam persahabatan ini membawa kepada perbungan yang baik antara dua kerajaan dengan Sultan Mansor Syah mengistiharkan "*Sekarang adalah tetap hati kita; seteru telah menjadi sahabat*" (hal. 109). Dari bukti sejarah mengesahkan kedua-dua kerajaan ini telah mengadakan hubungan luar dan juga perdagangan (Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, 2000: 564). Apa yang kita dapat pelajari dari peristiwa yang dipaparkan oleh Sejarah Melayu ini ialah cara mengatasi permasalahan bagi dua negara berjiran yang sedang berkonflik. Salah sebuah mesti ada inisiatif untuk berdamai dan sebuah lagi mahu menerima tanpa prasangka. Dalam hal ini Melaka yang menggambarkan orang (bangsa) Melayu telah memulakan inisiatif dan Siam disatu pihak telah menerima huluran tangan untuk berhubungan itu. Akhirnya terjalinlah kembali suasana kejiranan dua buah kuasa yang besar di rantau Asia Tenggara pada masa itu. Melaka mewakili kawasan kepulauan, manakala Siam di tanah daratannya.

Hubungan luar yang digambarkan di atas lebih berbentuk diplomasi. Melaka juga melakukan hubungan luar melalui peperangan. Apa yang diperlihatkan oleh Sejarah Melayu ialah Melaka menyerang Pahang selepas peristiwa serangan Siam kedua.

"Telah berapa hari di jalan, sampailah ke Pahang: maka orang

Melaka pun berperanglah dengan orang Pahang, terlalu ramai. Maka dengan takdir Allah Taala, Tuhan yang amat kuasa melakukan kudrat iradatnya, maka dengan mudahnya juga Pahang pun alahlah. Maka segala orang Pahang pun habislah lari. Maka Maharaja Dewa Sura pun berlepas lari ke hulu...(hal. 99).”

Dari segi teori perang dan persempadanan (had atau perenggan negeri) Melayu tradisional, serangan ke atas Pahang oleh Melaka amat kena pada tempatnya. Ini kerana Siam menggunakan Pahang sebagai tanah jajahannya untuk dijadikan sebagai “Zon Melancarkan Serangan (Launching Pad/Staging Area)” (Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, 2001: 85). Siam sering mengakui bahawa Semenanjung Melayu adalah kawasan takluknya. Jadi kewujudan dan perkembangan Melaka telah membataskan perakuannya; sehingga ke Pahang sahaja.

Ini telah dibuktikannya ketika menyerang Melaka melalui Pahang di Ulu Muar dan juga pasukan mereka dikejar oleh pasukan Bendahara Paduka Raja sehingga ke laut Singapura setelah berperang di Batu Pahat (hal 97). Kesan dari perang ini, Pahang menjadi jajahan takluk Melaka. Demikian juga dengan Kampar (hal. 144-146), Siak (hal. 146-148), dan Pasai (hal. 162-166) contohnya diambil dengan kekuatan/senjata. Ini merupakan satu lagi bentuk hubungan luar pada masa itu. Ia bukanlah sesuatu yang pelik atau memalukan dalam konteks hubungan luar dan diplomatik. Ia juga bukan berlaku dikalangan Kerajaan Melayu sahaja, bahkan di seluruh tamadun dunia. Keadaan ini berterusan sehingga ke zaman pejazahan barat ke sini dan juga di zaman komputer sekarang ini. Sejarah telah mengesahkan kenyataan apabila Amerika dan sekutunya Britain baru sahaja melakukan serangan dan “penaklukan” terhadap Iraq bagi membolehkan negara mereka mempunyai hubungan luar yang lebih luas terhadap Iraq (The Star, 21 Mac-16 April 2003).

Untuk mengakhiri perbincangan ringkas bahagian ini, ditonjolkan kebolehan Kerajaan Melayu Melaka dalam menyaingi kerajaan lawannya tanpa menggunakan kekuatan tentera. Bagi membolehkan ia berhubungan dengan Kerajaan Majapahit yang “dikatakan setanding” dengannya pada masa itu, Melaka menggunakan strategi “tunjuk kuat” (show of force). Sejarah Melayu menerangkan:

“...Maka kedengaranlah ke Melaka peri baiknya paras Radin Galoh itu, maka Sultan Mansor Syah pun berahi rasa baginda akan Radin Galoh itu. Maka baginda berkira-kira hendak berangkat ke Majapahit. Maka baginda memberi titah pada Bendahara Paduka Raja berengkap,... . . . Telah itu Sultan Mansor Syah pun menyuruh ke Inderagiri pada Maharaja Merlang, dan Raja Palembang, dan Raja Jambi, dan Raja Lingga, dan Raja Tungkal, mengajak pergi ke Majapahit. Maka sekalian raja-raja itu pun datang; telah sudah hadir sekeliannya, maka Sultan Mansor Syah berangkatlah ke Majapahit, diiringkan oleh segala raja-raja itu, dan segala hulubalang yang muda-muda semuanya dibawa oleh baginda, dan segala orang besar-besar semuanya tinggal menunggu negeri (hal. 115-117).”

Sejarah Melayu memperlihatkan strategi Sultan Mansor Syah. Baginda membawa Raja-Raja yang berada dalam jajahan takluknya disamping hulubalang

yang muda-muda. Ini bagi membolehkan baginda memperlihatkan kekuatan dan kekuasaannya kepada Majapahit. Lebih-lebih lagi pemergian baginda adalah untuk meminang dan mengahwini Puteri Majapahit. Adalah menjadi kebiasaan bagi kerajaan yang besar mahu berkahwin dengan puteri sebuah kerajaan yang setanding atau lebih besar lagi. Ini semua untuk menaikkan nama kerajaannya di mata kerajaan-kerajaan lain. Dalam zaman tradisi, perkahwinan juga merupakan satu persaingan. Dengan kehadiran pengiring yang sedemikian rupa, bukan sahaja memberikan keyakinan kepada Sultan Mansor Syah ketika berhadapan dengan Betara Majapahit. Malahan keadaan sedemikian dengan sendirinya akan merangsang Betara untuk menaruh keyakinan Baginda kepada Sultan Mansor Syah bagi dibuat menantu.

Akhirnya Sejarah Melayu menggambarkan:

“Telah sudah kahwin, masuklah ke dalam pelaminan. Maka Sultan Mansor pun terlalu berkasih-kasih dua laki-isteri, dan Betara Majapahit pun terlalu amat kasih akan Sultan Mansor Syah, dibawanya duduk bersama-sama apabila dihadap orang, jika santap pun bersama-sama jua. Setelah berapa lamanya Sultan Mansor Syah di Majapahit itu, maka baginda pun hendak kembali ke Melaka, hendak membawa Radin Galoh ke Melaka; maka diberi oleh Betara (hal.123).”

Sewaktu akan kembali, melalui Tun Bija Sura, Sultan Melaka telah memohon supaya dianugerahkan kepadanya Kerajaan Inderagiri. Atas nasihat para orang besar-besarnya:

“Maka titah Betara Majapahit pada Tun Bija Sura, “Baiklah; pemberian kitalah Inderagiri akan anak kita. Seluruh Tanah Jawa itu pun siapakah lagi empunya dia, jikalau tiada anak kita Raja Melaka?” (hal. 124).”

Dengan ini, Sultan Mansor Syah bukan sahaja mencapai hasrat di hatinya iaitu Radin Galoh, malahan sebuah dari jajahan Majapahit. Hubungan antara dua buah kerajaan ini kemudiannya bertambah baik.

PENUTUP

Perbincangan di atas tidak melihat kepada bidang politik dan ekonomi secara khusus. Ini kerana dua bahagian ini sering diperkatakan oleh ramai penulis. Oleh itu penulisan ini tidak cuba membuat ulangan atau kerja yang kelihatan bertindan. Sebagai satu kesimpulannya, tulisan ini adalah bertujuan menyahut saranan Y.A.B Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad Masyarakat Melayu dan Islam seharusnya memahami sejarah masa silam kerana ia boleh memupuk sifat jati diri, membentuk identiti masyarakat dan semangat kewarganegaraan dalam usaha membina keperibadian Melayu itu sendiri. Beliau selanjutnya menyarankan Sejarah merupakan suatu proses evolusi peradaban masyarakat yang berkesinambungan sifatnya tetapi sentiasa mengalami perubahan dan saling berkait (Perutusan, 30 Jan. 2001: 3-4). Kenapa pula Sejarah Melayu yang menjadi sumber kajian ini kerana Sejarah Melayu telah menggambarkan Melaka sebagai sebuah empayar terkenal, teguh dan stabil di

bawah satu susunan pentadbiran tradisional yang teratur [digelapkan; penulis] (YAB Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, 2001: 39).

Satu lagi perkara yang harus diperjelaskan bahawa tulisan ini mengambil iktibar dari kata-kata penyusun kitab ini sendiri:

“... supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita... Inilah istiadat Raja-Raja Melayu dahulu kala. Barang pendengaran sinda itulah sinda ceterakan, dan jikalau ada salahnya hendaklah diperbaiki oleh barang siapa yang ingat akan ceteranya, jangan kiranya sinda gonjakkan (hal. 82).

Iktibar dari kata-kata hikmat di atas ialah supaya kita saling sampai-menyampai atau pesan memesan. Atau dalam bahasa sekarang saling tegur-menegur atau ingat mengingati. Tidak timbullah istilah “jaga tepi kain orang” dalam masyarakat Melayu. Budaya kehidupan Melayu menuntut kita supaya melaksanakan seperti yang ditulis oleh penyusun. Hanya yang tidak mengenali budaya bangsanya sahaja yang sanggup mencemuh bangsanya itu. Sampaikan kebenaran dan tegurkan yang salah. Satu perkara penting lagi ialah jangan tokok tambah atau adu dumba. Inilah yang selalu merosakkan hubungan kemanusiaan. Maka jadilah kesudahannya “indah khabar dari rupa”. Maka timbullah bibit perpecahan yang membawa kerugian, malah keruntuhan tamadun itu sendiri.

Sebab itulah setiap kali ada wasiat dari para sultan atau bendahara sendiri, perkara saling memperingati dititik beratkan. Misalnya Bendahara Paduka Raja Tun Perak mewasiatkan kepada anak cucunya:

“Hei anak cucuku, jangan kamu tukarkan agama dengan dunia. Adapun dunia itu tiada kekal adanya, kerana hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya; hendaklah tulus hatimu pada berbuat kebaikan kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasulnya, dan jangan kamu sekalian lupa pada berbuat kebaktian kepada raja kamu”.

Dato' Bendahara ada menggambarkan bahawa raja yang adil dengan Nabi Muhammad (s.a.w) itu laksana dua permata pada sebetuk cincin. Beliau menegaskan:

“Adalah raja yang adil itu dengan Nabi Sallallahu Alaihi Wassallam. ...apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah Subhanahu Wataala. Yakni berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasulnya dan akan raja; inilah wasiatku kepada kamu semua. Hendaklah jangan kamu lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu peroleh” (hal. 189-190).

Bandingan raja itu bolehlah diumpamakan kepada pemerintah pada zaman sekarang ini. Bagi negara ini yang mempunyai Raja Berpelembagaan, ia bersandarkan kepada dua-duanya sekali untuk menempatkan kebaktian dan mendapat perlindungan. Ini sejajar dengan adanya unsur-unsur tradisi dalam Perlembagaan Negara dan konsep Melayu tradisi itu sendiri. Ini dapat kita lihat dalam konsep “taat setia dan penaung”

kepada Kerajaan Melayu Tradisi; Raja memberi perlindungan dan rakyat membuat bakti (Modul Kenegaraan Malaysia, 1999: 2-15 hingga 2-16). Bagi golongan tua-tua di Perak, mereka sering mengkaitkan sesuatu peristiwa ataupun perubahan musim di negeri itu dengan tuah atau keistimewaan seseorang sultan yang memerintah. Hal ini sering diperkatakan sehingga akhir tahun 1970an (Penulis: pada masa itu masih tinggal di kampung dan hidup dalam suasana masyarakat sedemikian:-anak orang tua-tua).

Dengan mengetengahkan semua petikan dan juga ulasannya, adalah menjadi harapan dari penulis kepada para pembaca, terutamanya orang Melayu dan rakyat Malaysia supaya menyedari bahawa bangsa kita kaya dengan tamadun dan budayanya. Kita tidaklah perlu menoleh keluar sepenuhnya kerana banyak yang ada di dalam. Misalnya telah terbukti apa yang diketengahkan oleh pakar dari barat tentang konsep Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) tidak jauh bezanya dengan amalan masyarakat Melayu Bergotong Royong atau istilah orang Kedahnya "Bersyarikat" atau "Berderau" bagi orang Perak. Begitu juga dengan perbincangan secara tidak langsung bersama-sama beberapa orang pensyarah psikologi yang ada di UUM, rata-rata menyatakan Berzikir itu adalah sebaik-baik penawar (peyembuh) penyakit jiwa resah atau dilanda tekanan perasaan. Meskipun mereka mengetahui beberapa tiori penyelesaian dan membuat amalan dari apa yang mereka pelajari dan perolehi dari barat tersebut.

Maka dengan ini marilah kita menyingkap kembali segala khazanah peninggalan bangsa kita yang banyak lagi tidak ternilai harganya. Jika pihak barat dapat menguasai ilmu dari khazanah kita sehingga akhirnya mampu menewaskan kita pula. Apa yang lebih mendukacitakan, mereka mengajar kita pula kembali. Jadi, di manakah kita?. Mampukah kita membentuk jati diri jika kita tidak mengenali bangsa dan khazanah kita sendiri. Hayatilah kembali definisi Melayu yang diperkenalkan pada tahun 1913 dan diguna pakai oleh Perlembagaan Malaysia. Melayukah kita jika kita tidak mengamalkan Agama Islam dan adat-istiadat Melayunya. Bak kata pepatah Melayu *tepuak dada tanya iman*.

Seterusnya, usaha dari pendedahan yang dibuatkan ini sedikit sebanyak adalah bagi membaik pulih kembali imej bangsa kita yang telah tecemar oleh penjajahan selama lebih dari 450 tahun. Sebagai bangsa yang terjajah, dari sebuah bangsa yang terbilang dan terjulung, kita telah menjadi bangsa yang diremehkan. Lebih-lebih lagi apabila kita sendiri membuat pemujaan terhadap bangsa dan suku-sakat mereka yang menjajah kita. Jadilah seperti hari ini kita masih lagi terbuai dan dibuainya sebagai bangsa yang daif dan miskin, suka berhibur, malas, kejam, taat membuta tuli, suka bergantung (hidup dengan subsidi), suka mengamuk, razeki secupak tak akan jadi segantang dan bermacam-macam lagi perkara buruk dan negatif. Jauh lebih malang lagi bagi bangsa kita ialah imej negatif ini telah diterima sebagai sifat semula jadi. Malahan kita lebih berbangga dengan kata-kata *Tabik Tuan (yes sir)*, *Made in England (barangan cop barat)* dan sanggup menjadi kuli asalkan bergaji tetap dengan alasan akan dapat pencen (ubah suai dari Dr. Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid, 2001: 94). Semua ini mencerminkan jiwa hamba. Sedangkan bangsa

kita telah terbukti sebagai bangsa pelaut, pedagang, petani dan pengusaha, pentadbir, pendidik dan juga perantau yang berjaya. Hayatilah kembali pesanan Dato' Bendahara Paduka Raja Tun Perak:

“Puah, Puah, [nama cucunya] jangan engkau diam di negeri, diamlah engkau ke rantau, supaya sampah sarap jadi emas”. Kepada cucu yang lain “Isap, Isap, engkau jangan mencari pencarianmu di balairong raja” (hal. 190).”

Penghayatan ringkas di atas ialah supaya sanggup berusaha, berdikari dan mahu berubah (melakukan perubahan) bagi mencapai kejayaan sebagaimana yang pernah bangsa Melayu kecapai sebelum ini.

BIBLIOGRAFI

Teks utama; *Sejarah Melayu [The Malay Annal]*, 1961, Diusahakan oleh W.G. Shellabear, Singapura: Sidang Pengarang Malaya Publishing House Limited; dan juga terbitan 1990, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdullah Jumain Abu Samah, “Melayu” Sebagai Istilah Yang Merujuk Kepada Nama Bahasa dan Bangsa (Bahagian Kedua) dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Mac 1993, hal. 196-209.

Asmah Haji Omar, 1988, *Susur Galur Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Atlas Kebangsaan Malaysia, 1977, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Haji Buyong Adil, 1972, *Sejarah Perak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Daniel Perret, “Konsep Negeri Dalam Sumber Melayu Lama Berunsur Sejarah dan Hukum”, dalam *Di Sekitar Konsep Negeri*, disusun oleh Wan Hashim Wan Teh dan Daniel Perret, 1999, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dengan kerjasama Kedutaan Besar Perancis di Malaysia, hal. 1-30.

Fuziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, 2000, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Haji Hashim Haji Abd. Hamid, *Jatidiri Bangsa: Pembinaan dan Kekembalian Islam*, dalam *Dunia Melayu Dunia Islam*, diselenggarakan oleh Abdul Latif Abu Bakar, 2001, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal. 89-115.

M.A. Fawzi Basri, 1986, Cempaka Sari, *Sejarah Kesultanan Negeri Perak*, Ipoh: Yayasan Perak.

Mahathir Mohamad, Perutusan Y.A.B. Perdana Menteri, dalam *Dunia Melayu Dunia Islam*, diselenggarakan oleh Abdul Latif Abu Bakar, 2001, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal. 3-4.

Malaysia Kita, 1991, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Mior Ahmad Noor Mior Hamzah, "Konsep Sempadan Negeri Dalam Masyarakat Melayu, dalam *Jati (Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara*, UM, Bil. 6, Disember 2001, hal. 69-104.

"Nilai Kehidupan Tradisi Orang Melayu", dalam *Kenegaraan Malaysia; Isu-Isu & Perkembangan*, Rohani Abdul Ghani & Zulhilmi Paidi (ed.), 2002, Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd, hal. 121-139.

YAB Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, Ucapan YAB Ketua Menteri Melaka di Majlis Perasmian Konvensyen, dalam *Dunia Melayu Dunia Islam*, Abdul Latif Abu Bakar (ed.), 2001, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal. 37-46.

Panel penulis Prof. Madya Mohd Idris Salleh dan rakan-rakan, 1999, *Modul Kenegaraan Malaysia: AN 1042*, Sintok: Unit Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Utara Malaysia, hal. 2-1 hingga 2-30.

Haji Mohd Jamil Mukmin, "Foreword on the Malay and Islamic World Convention", dalam *Dunia Melayu Dunia Islam*, Abdul Latif Abu Bakar (ed.), 2001, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal. 19-27.

Prof. Dato' Dr. Mohd Yusoff Hashim, "Melaka: Wajah Sejarah dan Kejatian Diri, Kebangsaan dan Antarabangsa", dalam *Dunia Melayu Dunia Islam*, Abdul Latiff Abu Bakar (ed.), 2001, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal. 61-75.

Prof. Dr. Teuku Haji Ibrahim Alfian, "Sejarah dan Jatidiri Rumpun Melayu (Indonesia)", dalam *Dunia Melayu Dunia Islam*, Abdul Latif Abu Bakar (ed.), 2001, Melaka: Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, hal. 77-88.

Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusof, "Pusat Pentadbiran Kedah dari Bukit Meriam ke Kota Setar", dalam *Alor Setar 250 Tahun*, 1990, Alor Setar: Kerajaan Negeri Kedah, hal. 1-12.

Akhbar "The Star", 21 Mac-16 April 2003.